قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

TAHUN 28 BILANGAN 41 | RABU 12 OKTOBER, 1983. | رابو 5 محرم 1404 | PERCUMA


## D.Y.M.M. BERANGKAT KE PANGKALAN LAUT AMDB

MUARA. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melawat ke Pangkalan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja pada hari Khamis yang lalu.

Keberangkatan Baginda ke pangkalan tersebut telah diiringi oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei Brigedier Jeneral JPW Friedberger, serta dijunjung dan dialu-alukan oleh Pegawai Pemerintah Flotilla, Yang Dimuliakan Pehin Dato Juragan Laila Diraja Lt. Kolonel Dato Paduka Awang Kifli, Timbalannya Mejar Shari bin Haji Md Ali, serta Pegawai-pegawai Kanan Flotilla.

Dalam rangka kunjungan tersebut, Baginda telah diberikan taklimat-taklimat dan penerangan-penerangan ringkas oleh Pegawai Pemerintah Flotilla mengenai dengan latihan-latihan yang akan diadakan nanti.

Kemudian Baginda dijunjung melawat ke berbagai bahagian-bahagian dan peralatan yang terdapat di kapal KDB Waspada.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sedang berbual mesra dengan Y.D.M. Pehin Datu Juragan Laila Diraja Lt. Kolonel Dato Paduka Awang Kifli semasa melawat salah satu bahagian di kapal KDB Waspada.

## P'jaya Mahkamah Besar angkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Awang David Stromach Humter sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar bagi tempoh tiga tahun.

Pesuruhjaya yang baru itu telah mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam satu istiadat yang berlangsung di Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Surat lantikan telah dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahirruddin.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Hadir sama ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei; Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam; Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan; dan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sedang mengurniakan surat lantikan kepada Awang David Stromach Humter.

## PERHUBUNGAN YANG BERKESAN MAINKAN PERANAN

Oleh: Ahad Ismail

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Perhubungan yang baik lagi berkesan memainkan peranan penting dalam pentadbiran atau pengurusan sesebuah Pejabat, Sektor Kerajaan, mahupun Swasta, sama ada perhubungan berupa alat, ataupun merupakan ejen penyebaran maklumat-maklumat.**

Demikian telah dijelaskan oleh Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Awang Haji Ibrahim, Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan Musabaqah Al-Quran antara Jabatan-Jabatan Perhubungan dan Pengangkutan bertempat di Dewan Raya Radio dan Televisyen pada malam hari Ahad yang lalu.

"Perhubungan yang kurang jelas dan sukar difahami boleh menyebabkan kekeliruan maklumat yang diterima dan boleh pula mengakibatkan kesilapan dalam membuat keputusan," tegas Yang Teramat Berhormat.

Dalam pada itu Yang Teramat Berhormat menyatakan bahawa dalam melaksanakan tugas seharihari kita banyak bergantung kepada perhubungan lisan, tulisan, dan melalui peralatan moden seperti telefon, teleks, pos, dan sebagainya.

Justeru itu, tambah Yang Teramat Berhormat, sewajarnyalah jabatan-jabatan berkenaan mengambil perhatian berat terhadap kecekapan alat-alat perhubungan tersebut pada melicinkan pentadbiran sesebuah jabatan khasnya, dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan

(Lihat muka 24)

### MANISNYA IMAN

"Ya Allah! Redailah aku dengan apa-apa yang telah Engkau tentukan bagiku dan sejahterakanlah aku di dalam apa-apa yang telah Engkau kekalkan sehingga tidaklah aku suka meminta segerakan apa-apa yang Engkau tangguhkan dan meminta tangguhkan apa-apa yang Engkau segerakan." — HADIS Nabi petikan Abu Ne'em.

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

12 OKTOBER, 1983.

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## UNDANG-UNDANG DHARURAT:

## KESAN YANG PATUT DIINSAFI

NEGARA ini masih menguatkuasakan Undang-undang Dharurat yang diperkenalkan semenjak penghujung tahun 1962.

Sungguhpun dapat dikatakan ramai orang yang mengetahui punca penguatkuasaannya, tetapi tidak seramai itu yang memahaminya sebagai undang-undang yang bertujuan memberi kuasa meluas yang diperlukan oleh pihak berkuasa negara bagi bertindak menurut undang-undang dalam keadaan-keadaan tertentu yang memerlukannya.

Sehingga ini, kerana ketidak-fahaman itu, ada yang bukan saja menganggapnya sudah tidak sesuai lagi setelah begitu lama dikuatkuasakan bahkan ada yang mengaitkannya dengan kemerdekaan. Pada anggapan mereka, Undang-undang Dharurat hanya untuk negeri yang belum merdeka. Kerana itu mereka menyangka kuatkuasa undang-undang tersebut akan ditarik atau dihapuskan apabila saja negara kita Brunei Darussalam ini bertukar taraf kepada sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat sepenuhnya nanti.

Kita bersimpati kepada orang-orang yang terkeliru beranggapan sedemikian itu kerana ketiadaan pengetahuan mereka yang cukup. Mereka sebenarnya setakat mahukan penjelasan dan mereka dipercayai bersedia untuk menimbang hujah-hujah. Tetapi tidak demikian halnya jika orang yang senghaja membangkitkan keraguan serta kekeliruan orang lain terhadap langkah bijak meneruskan kuatkuasa Undang-Undang Dharurat itu sampai sekarang. Mereka yang sedemikian itu tidak memerlukan sebarang penjelasan bahkan mereka tidak diharap akan menimbangkan sebarang fakta yang dihujahkan.

Hakikat yang patut ditimbangkan dengan insaf oleh orang ramai ialah bahawa Undang-Undang Dharurat selama lebih dua puluh tahun telah berpengaruh ke atas keamanan dan kemantapan negara ini. Dengan berkat suasana yang aman lagi mantap itu Kerajaan dapat merancang, melaksana dan meneruskan pembangunan negara dan sekaligus dapat memperbaiki serta meningkatkan taraf hidup semua lapisan rakyat. Dalam tempoh dua puluh tahun itu rakyat dan Kerajaan saling bantu-membantu dalam usaha yang mendatangkan kebajikan di semua bidang. Dengan tiada timbul pergaduhan dan perebutan kepentingan maka Kerajaan dan rakyat telah sama-sama mewujudkan suasana yang berorentasikan kebajikan serta persefahaman - yang mana kesannya kita semua secara sepontan dapat melemahkan sebarang percubaan anasir yang berniat jahat terhadap negara ini.

Dan suatu hakikat lagi ialah bahawa sungguhpun kita masih dipengaruhi oleh kuatkuasa Undang-undang Dharurat itu tetapi ternyata ia tidaklah sampai mengongkong sehingga menyulitkan kita. Masing-masing kita dapat menjalani hidup seperti biasa. Hanya barangkali segelintir orang sahaja yang merasa terkongkong kerana tidak dapat melakukan kegiatan yang berlawanan dengan kepentingan keselamatan negara dan rakyat yang kita mesti sentiasa pertahankan.

Meneliti kedua-dua hakikat yang disebutkan maka sepatutnya tiada timbul sangkaan buruk terhadap penguatkuasaan Undang-undang Dharurat di negara ini.

Adapun kedudukan undang-undang tersebut setelah merdeka nanti tiadalah sepatutnya menimbulkan kegelisahan dan tanda tanya. Adalah perkara biasa dan bahkan menjadi amalan di setengah-setengah negara termasuk di negara-negara jiran yang pernah mempunyai undang-undang Dharurat meneruskannya ke suatu tempoh beberapa tahun selepas ia mencapai kemerdekaan. Kemudian ia menarik dan menghapuskannya dan menggantikannya dengan Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri yang mempunyai beberapa persamaan dengan Undang-undang Dharurat yang ditarik atau dihapuskan itu bahkan undang-undang ganti itu pernah disifatkan sebagai mengandungi peraturan yang lebih keras dan kuatkuasa yang sangat luas.

---

Berikut ialah sabda ucapan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pesuruhjaya Polis Brunei ketika merasmikan Masjid Kampung Sungai Buluh, Brunei pada 7 Oktober, 1983.

# MAKMURKAN MASJID DGN. SIKAP "KEKITAAN"

ALHAMDULILLAH syukur hadrat Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w., serta keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk membuka dengan rasminya bangunan Rumah Allah yang suci ini, pada malam yang penuh berkat lagi mulia iaitu malam awal Muharam, malam awal tahun Hijrah 1404, serta memberikan pula kesempatan bagi saya menyampaikan sedikit ucapan di majlis yang penuh keberkatan ini.

Penghormatan yang bersejarah lagi berkebajikan serta penuh keberkatan ini, akan tetap menjadi ingatan yang kekal abadi bagi diri saya, terutama di dalam usaha-usaha menegakkan syiar Islam di negara kita Brunei Darussalam ini.

Bagi saya, perasmian pembukaan bangunan Masjid Kampung Sungai Buluh pada malam ini, adalah salah satu dari usaha-usaha yang benar-benar dapat menunjukkan perkembangan syiar Islam, kerana Masjid atau Rumah Allah adalah merupakan suatu lembaga Islam atau pusat ugama Islam yang sebenar-benarnya, dan segi sejarah ugama Islam serta segala perkembangannya di dalam apa jua bidang sekalipun, adalah bermula dari masjid.

### MENGAMBIL BERAT

Maka dalam kesempatan yang penuh keberkatan ini, ingin saya menyeru saudara-saudara sekalian, supaya kita sentiasa mengambil berat terhadap kemajuan-kemajuan masjid, terutama kepada sebaik-baiknya, dan menjaga serta memelihara masjid ini dengan wajar dan sepatutnya.

Apa yang ingin saya tekankan di sini, ialah selain dari kita berkumpul untuk mengerjakan ibadat di masjid ini, yang memang sebagai orang-orang Islam yang tinggal dan bermukim dalam kawasan masjid ini.

**.......dengan adanya sikap bermuafakat akan lahirlah sikap "kekitaan", iaitu sikap yang menganggap bahawa sesuatu itu adalah milik kita bersama, dan menjadi tanggungjawab kita bersama, dan bersama-sama pula kita menjaga dan memeliharanya.**

Kita sebagai rakyat, seharusnyalah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita telah dapat menikmati kemakmuran negara kita yang tercinta ini, sehingga segala sumber-sumber dan tempat bagi kita mengembangkan syiar Islam seperti masjid dan sekolah-sekolah ugama adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan, maka apa yang menjadi kewajipan kita, ialah untuk menggunakan segala kemudahan-kemudahan itu dengan kewajipan kita sebagai orang Islam, iaitu sebagai hamba Allah Subhanahu Wataala yang mengakui dan beriman serta percaya kepadanya, maka kita hendaklah berusaha dengan sungguh-sungguh bagi menjadikan masjid ini sebagai tempat yang dapat menyatupadukan kita, terutama bagi jemaah-jemaah mukim masjid ini. Dengan erti kata yang lain menjadikannya sebagai tempat bermuafakat, dengan semangat ingin mencari kebaikan dan kebenaran, bertolak ansur dan hormat-menghormati, supaya dapatlah segala usaha-usaha yang kita rancangkan dilaksanakan dengan jayanya.

### SIKAP KEKITAAN

Di samping itu, dengan adanya sikap bermuafakat akan lahirlah sikap "Kekitaan", iaitu sikap yang menganggap bahawa sesuatu itu adalah milik kita bersama, dan menjadi tanggungjawab kita bersama, dan bersama-sama pula kita menjaga dan memeliharanya.

Masjid yang seperti ini memanglah ianya merupakan Rumah Allah, tempat kita beribadat, dalam pada itu adalah menjadi tanggungjawab kita orang Islam, khasnya jemaah-jemaah mukim masjid ini berusaha pada memelihara dan memakmurkannya, kerana itu kalaulah wujud semangat bersatu padu dan bermuafakat serta sikap "kekitaan", maka soal-soal memelihara dan menjaga serta memakmurkan masjid itu akan dapat dilaksanakan dengan mudah dan sempurna. Kalaulah perkara-perkara seperti ini dapat kita laksanakan, maka insya-Allah setiap masjid yang didirikan itu, benar-benar akan dapat melahirkan syiar Islam yang lebih cemerlang dan berkesan.

Saya juga berharap, supaya masjid dapat memainkan peranannya yang lebih berkesan, dari segi membimbing anak-anak muda ke arah asuhan dan didikan akhlak yang terpuji khasnya pada menghindarkan anak-anak muda dari kegiatan-kegiatan yang berupa anti-sosial, yang merupakan penyakit-penyakit buruk dalam masyarakat di zaman sains dan teknologi ini.



Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya, Pesuruhjaya Polis ketika menyempurnakan perasmian Masjid Kampung Sungai Buluh.

saya percaya di antara ubat yang paling mujarab bagi mengubati dan mencegah penyakit itu ialah melalui didikan kerohanian yang berdasarkan ajaran ugama Islam, dan saya percaya masjid adalah di antara tempat yang lebih berkesan bagi mengubati dan mencegah penyakit sedemikian.

**.......saya percaya di antara ubat yang paling mujarab bagi mengubati dan mencegah penyakit itu ialah melalui didikan kerohanian yang berdasarkan ajaran ugama Islam.**

Dengan hal yang demikian, para jemaah masjid adalah diharapkan supaya dapat membantu pegawai-pegawai masjid pada mencapai cita-cita yang murni ini.

Dengan mendahului lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, dan dengan selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w., dan dengan doa yang baik di awal tahun Hijrah 1404, bangunan Masjid Kampung Sungai Buluh saya rasmikan pembukaannya.



BREGEDIER Jeneral JPW Friedberger ketika merasmikan bangunan baru tersebut.



BEGINILAH rupa bangunan baru itu.

# BANGUNAN BARU PANCARAGAM AMDB

BERAKAS. — Pasukan Pancaragam Askar Melayu Diraja Brunei kini mempunyai sebuah bangunan baru yang terletak di Lapang Terbang Lama Berakas.

Pembukaan rasminya telah disempurnakan oleh Pemerintah Pasukan AMDB, Bregedier Jeneral JPW Friedberger pada 3 Oktober lepas. Serentak dengan perasmian itu diikuti dengan tiupan trompet oleh seramai tujuh orang anggota pancaragam tersebut.

Sejurus selepas perasmiannya, Pemerintah Pasukan dan para jemputan dibawa melihat ke beberapa bahagian bangunan baru itu yang mana ianya mengandungi dua buah studio bilik latihan, bilik mengajar dan stor bagi menyimpan alat-alat kelengkapan pancaragam itu.

Pasukan Pancaragam AMDB ketika ini mempunyai seramai lebih 70 orang anggota dan dikendalikan oleh seorang konduktor, Kapten Manaf bin Haji Kamis. Beliau merupakan anak tempatan yang pertama dalam Pasukan AMDB yang memperolehi ijazah dalam bidang musik dari United Kingdom.

# MAJLIS KESYUKURAN

TUTONG. — Pegawai-pegawai dan guru-guru ugama Daerah Tutong telah mengadakan sambutan hari raya aidiladha dan majlis kesyukuran bagi mereka yang telah selamat pulang ke tanahair setelah menyempurnakan fardu haji pada tahun ini.

Majlis yang diadakan di Dewan Sekolah Ugama Kiudang pada hari Jumaat lepas itu telah diselajurkan dengan penyampaian derma berjumlah $1,000 oleh para pegawai dan guru ugama daerah tersebut yang disampaikan secara berasingan untuk tabung anak-anak yatim dan orang-orang cacat.

Penyampaian derma untuk tabung orang-orang cacat sebanyak $500.00 diserahkan kepada Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awang Haji Mokti bin Haji Daud, manakala derma untuk tabung anak-anak yatim diserahkan kepada Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Salleh bin Haji Mohiddin.

Majlis pagi itu bermula dengan bacaan Al-Quran oleh Dayang Jamaliah bte Haji Abdi Manaf. Setelah itu ucapan alu-aluan disampaikan oleh pengerusi majlis, Awang Haji Damit bin Haji Kawang, nazir lawatan Sekolah-sekolah Ugama Daerah Tutong dan ini diikuti oleh ucapan Pengerusi Pelajaran Ugama Brunei, Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Mohd. Daud.

Syarahan khas telah disampaikan oleh Pemangku Kadi Besar Brunei, Y.D.M. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Aziz bin Juned. Di akhir majlis bacaan tahlil dan doa selamat diadakan manakala doa penutup kesyukuran disempurnakan oleh Awang Yusof bin Haji Shahbudin.

## Untuk dijual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku BRUNEI STATISTICAL YEARBOOK 1981/1982 (dalam bahasa Inggeris) telah siap dicetak dijual.

Sesiapa yang ingin untuk memilekinya mereka bolehlah membelinya di Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan di sini dengan harga $5.00 se naskah.



PEMERINTAH Pasukan AMDB, Bregedier Jeneral JPW Friedberger sedang menanam sepohon pokok kelapa bagi memperingati terdirinya bangunan pasukan pancaragam tersebut.

# Rancangan Sivik ke Sekolah2 Menengah dan Maktab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Unit Sivik dan Kemasyarakatan Bahagian Penerangan Setiausaha Kerajaan akan mengelolakan rancangan Sivik ke Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-maktab seluruh negara mulai minggu depan.

Rancangan tersebut adalah dianjurkan oleh bahagian Penerangan dengan usaha sama Jabatan Pelajaran Brunei.

Sebagai langkah permulaan rancangan tersebut akan diadakan di Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Sekolah Sains Jalan Muara.

Ianya akan bermula dengan satu ceramah mengenai latarbelakang kemerdekaan Brunei yang akan disampaikan oleh Pengarah Penerangan Brunei, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Satu lagi ceramah mengenai struktur pentadbiran dan pemerintah Brunei akan disampaikan oleh seorang Pegawai Penerangan, Awang Haji Junaidi.

Rancangan tersebut akan diteruskan di Pusat Tingkatan Enam di Gadong pada 31 Oktober depan.

# Memeluk ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang gadis Dusun Dayang Damit bte Munchong, 21 tahun berasal dari Kampung Mungkom, Tutong telah memeluk ugama Islam malam Jumaat lepas di rumah Cikgu Tuah bin Ahmad, Kampung Burong Pingai Ayer.

Majlis pengislamannya telah disempurnakan oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman. Dayang Damit kini dikenali sebagai Dy Dide Nurain bte Abdullah.

Di antara yang hadir di majlis itu ialah Ketua Kampung Burong Pingai Ayer, Pengarah Haji Othman bin Abdul Kadir; keluarga Dayang Dide Nurain; dan penduduk di kampung tersebut.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 12 hingga 18 Oktober 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 12.10.1983 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Kawasan Me'ayu Pengkalan Batu | 12.10.1983 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 12.10.1983 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 15.10.1983 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 15.10.1983 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 15.10.1983 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 15.10.1983 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 15.10.1983 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 15.10.1983 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 16.10.1983 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara | 16.10.1983 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 16.10.1983 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 17.10.1983 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan, Berakas | 17.10.1983 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 18.10.1983 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 18.10.1983 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |





KELIHATAN Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin sedang menyempurnakan majlis tersebut.

## PAMERAN KEJURUTERAAN DAN PEMBINAAN

BERAKAS. — Lebih 50 buah pertubuhan-pertubuhan dari negara Eropah, Asia dan tempatan telah menyertai Pameran Hasil Kerja-Kerja Kejuruteraan yang julung-julung kali diadakan di negara ini selama satu minggu telah berakhir pada 8 Oktober lepas bertempat di Kompleks baru Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Pameran selama seminggu itu yang diungkayahkan oleh JKR mempamerkan antaranya barang-barang perabot untuk kelengkapan rumah dan pejabat, mesin-mesin untuk kegunaan pejabat, berbagai jenis jentera berat dan ringan, model-model pembinaan dan kejuruteraan dan yang paling menarik minat orang ramai terutamanya para pengusaha-niaga tempatan ialah alat komputer memandangkan alat tersebut dalam sedikit masa nanti akan dapat pemasaran yang popular di negara ini.

Penyertaan negara-negara luar seperti Australia, Perancis, Korea dan negara-negara jiran, Thailand, Singapura, Sabah dan Sarawak begitu menggalakkan sekali. Secara langsung pameran tersebut memberi pengajaran dan sumber inspirasi kepada pengusaha-pengusaha, pemborong-pemborong dan akitek-akitek tempatan sebagai titik-tolak usahaniaga mereka.

Pameran itu juga dihasratkan akan dapat mengeratkan pengusaha-pengusaha bumiputera dengan pengusaha-pengusaha luar negeri di samping dapat bertukar-tukar fikiran sesama mereka.

Ianya juga bertujuan untuk memberikan peluang kepada penuntut-penuntut dan orang ramai bagi menyaksikan secara lebih dekat tentang perkembangan-perkembangan teknologi moden yang semakin berkembang di negara ini. Seramai lebih 10 ribu orang telah mengunjungi pameran tersebut sejak ianya dibukakan selama seminggu untuk kunjungan orang ramai.

Hasil pameran tersebut bertujuan untuk kutipan derma tabung Jabatan Kerja Raya bagi perayaan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Pameran seumpama itu berkemungkinan akan diadakan setiap tahun sebagai salah satu projek tahunan JKR.

## HARAMKAN KEMASUKAN

JABATAN Pertanian Brunei telah mengharamkan kemasukan lembu-lembu, kerbau-kerbau dan anjing-anjing dari seluruh Indonesia.

Ini adalah berikutan laporan bahawa penyakit mulut dan kuku dan juga penyakit anjing gila di kalangan binatang-binatang berkenaan di negara tersebut.



JENTERA-JENTERA yang menjadi bahan pameran.



KELIHATAN Awang Abdul Rahman sedang meno... menandakan bermulanya pameran tersebut.



SEBAHAGIAN lagi yang menjadi bahan pameran.

## Pameran hasil kejuruteraan:

# SATU KOMITMEN BAGI PERPADUAN

Oleh: Muhaimin HM

BERAKAS. — Awang Abdul Rahman bin Haji Karim, Agensi Pelaburan Brunei, berharap supaya pameran hasil kerja-kerja kejuruteraan dianggap sebagai satu komitmen bagi memudahkan proses mengukuhkan dan menyatu padukan segala isi negara ini melalui 'mutual co-operation; dan 'symbiotic relationship' demi kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Katanya pameran tersebut janganlah dijadikan sebagai satu arena untuk menonjolkan apa yang kita sedia ada.

Beliau berucap demikian sebelum merasmikan Pameran Hasil Kerja-Kerja Kejuruteraan yang dianjurkan oleh Jabatan Kerja Raya Brunei bertempat di kompleks baru jabatan tersebut Lapangan Terbang Lama Berakas pada 3 Oktober lepas.

Awang Abdul Rahman berkata dalam konteks perkembangan ekonomi negara ini, bererti adanya bermacam pilihan alat perkakas dan jentera berbanding dengan dua puluh tahun yang lalu begitu juga dengan bertambahnya para pembekal, kontrektor, arkitek dan konsultan.

Ini tambahnya adalah satu petanda baik dari segi perasingan bagi pengguna-pengguna mendapatkan bukan saja pilihan malah harga serta mutu yang berpatutan.

Tambahnya lagi, melalui perasingan ini kita berharap gejala-gejala buruk yang lahir daripada monopoli dan ... sedikit sebanyak ... dapat diatasi.

Seterus ... menegaskan ... sama seka... mengenepikan ... ntingan-kepentingan ... duduk negara ... mengindahkan ... masalah ... latihan, pekerja... mata pencarian ... tempatan dengan ... memberi sebarang ... dan kesempatan ... mereka dengan ... macam dalih.

"Janganlah ... sampai adanya ... undang dan ... peraturan ... baharulah kita ... hendak meng... konsep ... tetapi bila ... dulu' dan ada ... nya sibuk sana ... untuk member... latihan dan ... kepada anak-anak ... patan, walhal ... kemarin dulu ... beraksi indah ... atas ... kepentingan ... jang, ini ... Brunei Darussalam ... Awang Abdul ...

Terdahulu ... ucapan ... disampaikan ... Pengiran Dr ... Pengiran Haji ... Pengarah Kerja ... Brunei. Hadir ... itu ialah ... pemborong ... luar negeri ... ketua jabatan ...

## Bangunan Pejabat2 Kerajaan Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Tujuh buah pejabat kerajaan di sini akan mempunyai bangunan barunya apabila projek pembinaan sebuah bangunan pejabat-pejabat Daerah Belait siap dalam masa dua tahun nanti.

Kerja-kerja bagi projek tersebut baru saja bermula awal bulan ini dengan satu majlis doa selamat yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai dari pejabat-pejabat berkenaan.

Bangunan baru yang dianggarkan berharga lebih tujuh juta ringgit itu didirikan di bekas rumah sakit lama iaitu antara Jalan Sultan dan Jalan McKerron dan berdekatan dengan pejabat-pejabat kerajaan yang ada sekarang.

Ianya merupakan bangunan tiga tingkat dan dibina di atas kawasan seluas

(Lihat muka 14)



KELIHATAN Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Pengiran Dr Ismail bin Pengiran Haji Damit sedang menuang konkrit bagi menandakan bermulanya kerja-kerja pembinaan bagi bangunan tersebut.

# TEGUH AKIDAH TETAP PENDIRIAN

Oleh: Azadah Haji Awang Besar

**Bingkisan minggu ini**

KETEGUHAN akidah seseorang dalam kesempurnaan berugama dan dalam menempuh cabaran hidup adalah amat penting. Dan bila seseorang itu telah menetapkan akidah keimanannya kepada Allah s.w.t. ia akan tetap teguh dan patuh pada menyelenggarakan dan menunaikan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Apabila sesuatu gangguan atau gejala yang cuba merintangi ketaatannya kepada Allah maka ia sanggup mempertahankannya meskipun apa jua yang akan terjadi, bahkan keteguhan akidahnya akan tetap kuat ibarat mataair yang tidak kunjung kering dan sentiasa mengeluarkan air dengan derasnya dengan tidak berhenti-henti.

Jelasnya sikap dan pendiriannya tetap pada apa yang dikatakannya walaupun dalam menghadapi kesukaraan dan penderitaan hidup, malahan segala apa jua rupa percubaan diibaratkannya sebagai suatu pendorong yang kuat baginya untuk mempertahankan keteguhan akidahnya kepada Allah s.w.t. bahkan ia sentiasa bersabar ketika menghadapi segala rintangan. Justeru itu, mereka yang sanggup dan berpendirian seumpama ini sangat sedikit, malahan sudah semestinyalah mereka inilah yang dinamakan para siddiqin muqarrabin, yakni mereka yang benar dalam tujuannya dan dekat pada Tuhan (Allah s.w.t.), sebagaimana yang disifatkan oleh Allah Taala di dalam firman-Nya surah Fussyilat ayat 30 yang bermaksud:

*"Mereka itulah orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah ............ kemudian mereka pun memilih jalan yang lurus semata-mata."*

Maka begitulah konsep pendirian hidup sehari-hari bagi orang yang teguh akidahnya. Selain daripada itu, dalam kehidupan sehari-hari orang yang teguh akidahnya akan sentiasa mengimbangi kehidupannya dengan cara yang betul dan diredai oleh Allah. Dalam hal ini, termasuklah tentang apa yang dinilainya dari orang ramai dibuatnya dengan cara susila yang sederhana. Begitulah juga dalam soal tolong menolong, di mana bila orang lain melakukan perkara-perkara yang benar ia ikhlas pada memberikan pertolongan atau mengikutinya dan sebaliknya ia akan memberikan petunjuk yang betul atau jika tidak dapat olehnya dia akan menjauhkan diri apabila mendapati perkara-perkara yang mungkar dilakukan oleh satu-satu kumpulan atau seseorang. Tindakan seperti ini adalah kerana ia berpegang teguh pada kenyataan dan kebenaran petunjuk Allah Taala dan bukan pada kepalsuan yang menjadi kemurkaan Allah.

Seperti sabda Rasulullah s.a.w. yang bererti:

*"Jangan kamu suka jadi pak turut yang bersikap aku bersama-sama dengan orang ramai, kalau baik mereka baiklah aku dan kalau mereka tidak baik, tidak baiklah aku. Malahan hendaklah kamu cekalkan diri kamu. Kalau orang ramai baik aku akan menurut jejak langkah mereka dan kalau mereka berlaku tidak baik aku akan menjauhi kejahatan mereka."*

Oleh yang demikian, kita sebagai umat Islam seharusnyalah bersifat tegas jangan mudah mendengar ejekan orang terhadap pendirian kita yang benar yang diredai Allah s.w.t. sekalipun kita dipencilkan oleh setengah orang yang jahil yang ingin meruntuhkan kesempurnaan akidah kita kepada Allah Taala. Semua itu janganlah kita indahkan kerana Allah sentiasa berserta dengan hamba-Nya yang bersifat benar.

# Peristiwa Hijrah jadi Tahun Islam




MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua perintah-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Menjelang Maghrib pada hari ini, masuklah kita ke Tahun Baharu 1404. Bermakna satu tahun lagi umur kita meningkat mengikut kiraan Qamariah, tiap-tiap tahun baharu dalam Islam mengingatkan kita kepada Rasulullah s.a.w. kepada perjuangan Baginda menegakkan ugama Allah dengan segala kepayahan dan penderitaannya.

Tahun baharu Islam tidak diambil dari hari lahir Nabi s.a.w., atau hari Baginda diangkat menjadi Rasul atau hari wafat Baginda atau lain-lain munasabah. Tetapi tahun Islam telah diambil dari tahun Hijrahnya Baginda Rasulullah s.a.w. dari Mekah ke Madinah Al-Munawarah. Ianya telah dicadang dan dipilih oleh Sayidina Umar Ibnul Khattab Radhiallahu Anhu bagi mengambil sempena dari munasabah itu sebagai masa peralihan yang penuh bermakna. Perkataan 'Hijrah' ertinya berpindah. Selain dari pindah yang sebenarnya, Rasulullah berpindah dari Mekah ke Madinah, juga pada hari itu disifatkan sebagai hari bersedia dan berkemas, nekad dan tabah, hari bertawakal dan membuktikan keimanan.

**....jika bukan dengan pertolongan Allah, adalah mustahil untuk Baginda dapat keluar dari rumahnya yang sedang dikepung ketat itu, dan adalah mustahil juga untuk musuh yang sudah nampak kakinya di pintu gua itu tidak akan nampak Baginda dan sahabatnya di sana.**

Barangsiapa yang membaca sejarah hijrah ini, akan bertemu dengan beberapa kejadian yang mendebarkan atau mencemaskan, tetapi akhirnya kita bernafas lapang mengucapkan Masya-Allah, Tuhan Maha Berkuasa Lagi Berkehendak. Cuba perhatikan masa rumah Nabi s.a.w. dikepung oleh pemuda-pemuda Quraisy dari semua penjuru. Dipagar dengan senjata-senjata terhunus, mereka bertekad untuk mencincangnya. Tiap-tiap orang, kecil atau besar dikehendaki membawa tanda walaupun sedikit dari tubuh Nabi s.a.w, sebagai bukti cita-cita mereka telah berhasil, berjaya membalas dendam yang sekian lama terkurung itu. Tetapi kehendak Allah melepaskan Rasul-Nya dari kepungan itu, menemukannya dengan sahabatnya Sayidina Abu Bakar As-Siddiq. Mereka menuju ke gua, bersembunyi dan berlindung dari kejaran musuh. Di dalam gua, sebenarnya bukan gua yang memberi perlindungan kepada mereka, tetapi lihat bagaimana pertolongan Allah berlaku memperdayakan musuh dengan merentangkan sarang labah-labah, sebutir telur merpati dan beberapa dahan kering, menjadikannya sekuat-kuat benteng pertahanan sehingga tidak dapat ditembus oleh musuh-musuh itu.

Akal sihat mana lagi yang tidak dapat mengerti hal ini? Apa masih tidak percaya, atau kurang percaya tentang pertolongan Allah itu, bahawa ia boleh berlaku ke atas siapa yang dikehendaki-Nya? Begitulah ianya berlaku kepada Rasulullah dan sahabatnya yang setia, Sayidina Abu Bakar As-Siddiq, jika bukan dengan pertolongan Allah, adalah mustahil untuk Baginda dapat keluar dari rumahnya yang sedang dikepung ketat itu, dan adalah mustahil juga untuk musuh yang sudah nampak kakinya di pintu gua itu tidak akan nampak Baginda dan sahabatnya di sana.

Beginilah besar dan hebatnya kejadian hijrah itu, untuk menjadi iktibar kepada kita yang datang kemudian. Ia membawa erti perjuangan, erti berkorban kerana Allah, erti sabar dan percaya kepada inayah dan pertolongan Allah. Kerana itulah, ia dirakam dalam Al-Quran seperti Firman Allah dalam Surah At-Taubah Ayat 40 tafsirnya:

*"Sesungguhnya Allah telah menolong Nabi Muhammad s.a.w. ketika Baginda terusir oleh orang-orang kafir, berdua dengan orang kedua (Sayidina Abu Bakar As-Siddiq), ketika itu kedua-duanya di dalam gua di waktu itu Baginda mengingatkan kepada kawannya: "Jangan engkau berdukacita, sesungguhnya Allah itu bersama-sama dengan kita," lalu Allah pun menurunkan ketenangan kepadanya, dan dikuatkan pula oleh Allah dengan tentera yang tidak dapat dilihat. Dan Allah menjadikan perkataan orang-orang kafir paling rendah, sementara perkataan Allah pula amat tinggi. Dan Allah itu maha berkuasa lagi bijaksana."*

Demikianlah, mudah-mudahan sempena dengan tahun baharu ini, dan kita telah mengetahui sejarah hijrah yang mengandung makna berpindah, dan perjuangan menegakkan Islam, maka kita dengan tidak membuang-buang masa akan membisaikan lagi keadaan hidup dan perjalanannya. Jika sebelum ini kita ada melakukan kesalahan-kesalahan dan dosa, maka mulai dari sekarang kita tebus dengan taubat dalam makna berpindah dari maksiat kepada kebajikan. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat dan kekuatan iman yang baharu.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12 Oktober, 1983 hingga ke hari Selasa 18 Oktober, 1983 adalah seperti di bawah ini : —

| Hari Bulan | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.43 | 4.49 | 6.06 |
| 13 Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.43 | 4.49 | 6.06 |
| 14 Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.43 | 4.49 | 6.06 |
| 15 Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.43 | 4.49 | 6.06 |
| 16 Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 17 Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 18 Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........

# MENYIMPAN WANG DI PEJABAT POS DAN BANK



(Siri ke-195)

ULAMA-ULAMA Islam dalam negeri Islam sekarang seperti Al-Allamah Dato Said Alwi bin Tahir Al-Haddad yang mati dalam tahun 1382 Hijrah Mufti Kerajaan Johor dahulunya, selalu dan banyak berkata dalam fatwanya sebagaimana telah disiarkan oleh Jabatan Ugama Johor, bahawa menyimpan wang dalam Bank atau dalam Pejabat Pos yang menjalankan riba dan mengambil interest dan bunga, adalah haram, kerana di antara ilatnya (alasannya) syubahat menolong Bank atau Pejabat Pos yang menjalankan riba dan makan bunga itu, pada memakan riba, interest dan bunga daripada pelanggan-pelanggannya.

Wang bunga atau interest itu ialah harta yang hilang dari tuan punyanya, dan hukum harta bunga itu terkembali kepada Baitol-Mal orang Islam, sebab tiada diketahui siapa yang punya pada adat. Maka riba adalah suatu dosa besar bagaimana tersebut dalam Al-Quran dan Hadis-Hadis sahih, dan satu-satu dosa besar yang Allah s.w.t. membenarkan peperangan ke atas yang makan riba dan sebab mati dalam Suul Khatimah.

Hiba (pemberian), sedekah dan derma hendaklah harta yang disedekahkan atau diberikan atau didermakan itu, dimiliki oleh yang bersedekah itu atau yang menghibahkan atau yang mendermakan itu.

Masalah seperti menyimpan wang di Bank dan di Pejabat Pos yang menjalankan riba dan mengambil bunga itu, tersebut dalam Kitab Muiidun Ni'am Wa Mubiidun Niqam, karangan Ulama Al-Mujtahid At-Taj As-Subkiy Asy-Syafie yang mati pada tahun 881 Hijrah dan dalam Kitab Al-Asybahu Wan-Naza'iru, karangan Al-Imam As-Sayuti Syafie yang mati tahun 911 Hijrah dan dalam Kitab Bughyatul Mustarshidiina Fi Talkhisi Fatawa Ba'dhil A'immati Minal Ulama'il Muta'akhkhirina, karangan Al-Alamat As-Said Abd Rahman Masyur, Mufti Hadarmaut yang mati tahun 1320 Hijrah. Kitab-Kitab ini dapat dibaca kerana telah dicetak dan dijual.

**TAMBAHAN:**

Ada setengah-tengah Bank seperti O.C.B.C. dan Hongkong Shanghai Bank ada mengadakan sebuah bilik dalam Bank, dan dalam bilik itu ada peti-peti besi, kuncinya dipegang oleh Bank sebatang, dan ... lagi atau ... dipegang oleh ... peti itu, ... dikenakan ... Bank bagi ... setahun, dalam ... itu, pengguna ... menaruh surat-... ting, barang ... kemas dan ... bilik itu biasa ... selamat dari ... dan pencerobo...

WALLAHU ...



AWANG Junaidi dan keluarga

## 9 lagi memeluk ugama Isl...

KUALA BELAIT. — Sembilan orang lagi telah memeluk ugama Islam di negara ini dalam dua majlis pengislaman yang berlangsung baru-baru ini.

Lapan orang dari jumlah tersebut ialah satu keluarga Dusun yang berasal dari Kampung Merangking, Ulu Belait yang diulukan oleh ketua keluarga tersebut Awang Jundi bin Manai yang kini dikenali sebagai Mohd Junaidi bin Abdullah. Manakala isterinya telah memilih nama Islamnya sebagai Dayang Fatimah bte Abdullah.

Sementara anak-anak mereka masing-masing dikenali sebagai Mohd Adenan, Mohd Aslin, Norafizah, Noraziah, Norafaizah dan Norafidah.

Mereka melafazkan ikrar Islamnya di hadapan beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Belait yang terdiri Awang Mohd ... Perak, Awang ... bin Rais, Dayang ... bte Karim dan ... Mohd Ali bin O...

Turut hadir ... tersebut ialah A... Ibrahim bin Pehin ... Kaya Indera ... (Begawan Mu... Seri Utama Awang ... Ismail yang ... berucap dan ... menyampaikan ... deramata kepada ... saudara baru ...

Di samping ... wanita Tiong ... Low Thain ... dari Johor. ... juga memeluk ... Islam di satu ... berlangsung ... Hal Ehwal Uga... Seri Begawan ... melafazkan ikrar ... di hadapan Y.D.M. ... Orang Kaya Inde... (Begawan Mu... Seri Utama Awang ... Ismail bin ... dan kini dikenali ... Dr. Nura bte Ab...

## CALON KETUA KAMPUNG BATU 18, 19

ADALAH dimaklumkan kepada semua penduduk-penduduk Kampung Batu 18, 19 Tutong bahawa satu majlis pengambilan calon bagi KETUA KAMPUNG BATU 18, 19, TUTONG akan diadakan hari AHAD, 23 Oktober, 1983 jam 8.30 pagi bertempat di Balai Raya Kampung Sinaut, Tutong.

Oleh yang demikian penduduk-penduduk yang berumur 21 tahun ke atas yang tinggal di sekitar kampung-kampung tersebut adalah diminta supaya dapat hadir pada tarikh, waktu dan tempat yang ditetapkan.

Syarat-syarat untuk menjadi CALON adalah seperti berikut: —

(a) Calon hendaklah sudah bermastautin dalam kampung-kampung tersebut sekurang-kurangnya 3 tahun dan setelah dilantik dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut;

(b) Calon mestilah berumur tidak kurang daripada 30 tahun;

(c) Calon sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau yang seimbang dengannya atau darjah VI Sekolah Melayu;

(d) Calon mestilah bukan Pegawai Kerajaan, Kakitangan Syarikat atau Badan Perniagaan.

Borang-borang pendaftaran sebagai calon boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah, Tutong.



AWANG Zulduncan MacDowell ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Y.D.M. Pehin Khatib Awang Haji Zainal bin Kahar.

## Bekas jur... bolasep... memeluk Is...

BANDAR SERI ... WAN. — Bekas ... Pasukan Ke... Negara ... Darussalam, Awang ... can McDowell ... memeluk ugama ... pada hari ... September ... majlis yang ... di Kampung ...

Majlis peng... telah disem... Y.D.M. Pehin ... Zainal bin Kahar ...

Awang ... McDowell ... dikenali ... Mohamad ... McDowell bin ...

# Menara kawalan Anduki siap

SERIA. — Pembinaan ke atas menara kawalan lalulintas udara di Anduki telah pun siap dan akan digunakan sepenuhnya di dalam sedikit masa lagi.

Bangunan tersebut yang berukuran 62 kaki dari paras bumi mengandungi dua bahagian utama. Bahagian paling atas akan digunakan oleh pegawai-pegawai lalulintas udara dan ianya juga menempatkan konsul pengawas, peralatan lampu serta peralatan perhubungan telefon. Di bawahnya pula dilengkapi dengan peralatan radio, perakam suara otomatik dan sebuah kutubkhanah.

Pengawas Lalulintas Udara Kanan, Awg. John P.V. Lim menjelaskan bahawa mereka pada masa ini sedang membuat ujian terhadap semua peralatan di situ dan di samping itu menanti pemasangan sistem pemberi kuasa yang akan mengambil masa selama dua hingga tiga minggu.

Sementara bangunan kawalan lalulintas udara yang telah didirikan kira-kira 23 tahun lalu akan diruntuhkan. Di dalam operasi harian ianya cuma memerlukan dua orang pegawai lalulintas udara yang terlatih bagi pengendaliannya. Tetapi kini SAV telah mempunyai empat orang pegawai-pegawai yang terlatih, yang mana seorang daripadanya kini sedang belajar di Britain.



KAPTAN Don MacDonald, Pemangku Ketua Perkhidmatan Udara ketika mencuba limbungan sistem telefon di menara kawalan yang baru.



# KILANG PENAPIS MINYAK YANG BARU HAMPIR SIAP

SERIA. — Setelah pembinaan selama 18 bulan, kilang penapis minyak 10,000 tong sehari yang baru kini hampir siap untuk menerima bekalan-bekalan simpanan.

Kilang Penapis dijuruterakan di Holland untuk SPM dan dibina di bawah Pengurusan BSP telah mencapai mutu, keselamatan dan standard kesekitaran yang terbaharu.

Kilang penapis yang baru ini dijangka akan dapat mencapai keperluan-keperluan bagi Brunei untuk masa hadapan dalam penghasilan-penghasilan Petroleum. Kilang ini telah direka dengan penyediaan bagi sumbangan-sumbangan dan kemudahan-kemudahan pembakaran LGP di masa akan datang di samping kemudahan pemampat gas.

Pangkalan kilang penapis dan kilang pemampat gas akan menyediakan bekalan-bekalan simpanan dan penggunaan-penggunaannya. Sementara tangki-tangki simpanan termasuk minyak, minyak gas, kerosin, platformat, gasolin, LLG dan mogas akan dihubungkan dengan kilang penapis yang baru itu.






# Pelantaran AMRJ — 1 diperolehi kembali

SERIA. — Pelantar AMRJ-1 yang lama telah pun diperolehi kembali baru-baru ini.

Sebanyak enam buku daripada jeket tersebut akan dihantar ke makmal Shell di Amsterdam bagi ujian kimpal dijalankan ke atasnya di dalam air.

Setelah penilaian bagi keteguhan pembinaan untuk jeket itu, kejuruteraan Pusat telah memutuskan bahawa asas pelantar mestilah diperkuatkan. Semasa kerja penguatan itulah pelantar itu menjadi rosak. Kerosakan itu hanya diperbaiki buat sementara dengan membuat kimpalan dalam air bagi buku-buku dengan menggunakan kebuk kering. Apabila sahaja sebuah pelantar baru telah dipasang, pelantar yang lama ini akan dipindahkan.

Jeket itu telah diselamatkan di dalam dua bahagian iaitu di kaki-kaki jeket cerucuk-cerucuk dan di ikatan-ikatan di bawah 70 kaki bawah permukaan laut. Pertengahan atas jeket itu kemudiannya diangkat keluar dari air oleh kren Montorek.

# SUPSBS johan permainan lalulintas Daerah Belait

SERIA. — Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan telah muncul sebagai juara dalam pertandingan bahagian Daerah Belait di permainan Lalulintas Shell Brunei yang telah berlangsung pada hari Jumaat 16 September lepas.

Pertandingan itu telah diadakan di kawasan Rumah Sakit Suri Seri Begawan dan sebanyak 4 buah pasukan dari sekolah-sekolah rendah di daerah ini telah bertanding.

Johan dan naib johan akan mewakili daerah tersebut ke pertandingan peringkat senegeri yang akan diadakan kemudian.

Tetamu kehormat di pertandingan itu ialah Pegawai Pemerintah Polis Daerah, Y.A.M. Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan.

Pertandingan yang menjadi aktiviti tahunan Hal-Ehwal Awam telah diperkenalkan sejak tahun 1977. Tidak berapa lama lagi permainan ini akan mempunyai tempatnya sendiri, yang mana kerja-kerja pembersihan di kawasan G12 untuk taman kekal telah dimulakan dan pembinaannya dijangka siap dalam beberapa bulan lagi.

Perlawanan bagi peringkat Daerah Temburong pula telah diadakan sebelum ini dan telah dimenangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Bangar.



SEBAHAGIAN dari kanak-kanak sekolah sedang melakukan permainan lalulintas di pertandingan itu.

# 7 orang ikut kursus BEC

SERIA. — Tujuh orang pelatih dari pengambilan pertama Kursus Majlis Pelajaran Perdagangan (BEC) telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Pusat Latihan Teknikal Brunei di Jalan Muara.

Pelatih-pelatih yang berjaya diambil berdasarkan pertunjukan keseluruhannya semasa kursus peringkat am selama setahun di Pusat Latihan Teknikal.

Seramai 16 orang peserta dalam pengambilan itu, dan mereka yang tidak terpilih telah ditempatkan di berbagai-bagai jabatan dalam Shell Brunei sebagai pekerja-pekerja biasa.

Kursus peringkat kebangsaan selama dua tahun bermula pada 26 September tahun ini dan turut di dalam kumpulan itu ialah seorang pekerja yang mempunyai kelulusan sama dengan peringkat am.

Pengambilan kedua dan penghabisan mengandungi 16 orang pelatih sekarang mengikuti kursus peringkat am mereka di Pusat Latihan Teknikal di sini.

# PAJAKAN TANAH KURANG 15 TAHUN DIBENARKAN UNTUK DISAMBUNG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Tanah, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar menerangkan bahawa tuan-tuan tanah yang mempunyai tempoh pajakan tidak kurang 15 tahun adalah dibenarkan mendapatkan permohonan bagi menyambung tempoh kelamaan geran tanahnya.

Walau bagaimanapun pertimbangan mengenainya hanya akan diberikan sekiranya tanah yang dipohonkan itu untuk diusahakan dengan sepenuhnya ataupun tanah tersebut tidak terlibat dengan mana-mana rancangan kerajaan.

Jika terdapat perkara-perkara sedemikian, jelas Pesuruhjaya Tanah, baharulah sokongan akan dihadapkan bagi penyambungan tanah geran berkenaan dan permohonan bagi mendapatkannya hendaklah dihadapkan selewat-lewatnya 3 tahun sebelum tempoh pajakan itu berakhir.

Dato Paduka Haji Abdullah menegaskan demikian di Majlis Taklimat bagi penduduk-penduduk Mukim Keriam, Tutong bertempat di Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan pada hari Rabu lepas.

Menyentuh Undang-Undang Tanah dalam Bab 23 yang telah diluluskan pada 1 Januari 1983, Dato Paduka Haji Abdullah menyatakan bahawa sebarang pindah milik adalah tidak sah dan tidak akan didaftarkan kecuali diperkenankan oleh Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam Majlis Mesyuarat.

Dalam Bab 23 itu juga mempersyaratkan hal-hal gadai tanah, pajakan kecil (sub-lease) yang juga memerlukan kebenaran bertulis daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Tetapi bagi maksud-maksud pajakan dan pajakan kecil tanah kepada orang perseorangan atau badan yang tempohnya tidak melebihi tujuh tahun adalah terkecuali daripada mendapatkan sebarang kebenaran dan ianya boleh didaftarkan," jelas beliau.

Pindaan itu juga, menurutnya lagi, bukan bertujuan untuk menyekat orang ramai bagi memiliki tanah, sebaliknya untuk mempersesuaikan satu sistem pemilikan tanah yang berperancangan.

Pesuruhjaya Tanah, Dato Paduka Haji Abdullah juga telah menerangkan Undang-Undang Lesen Rampaian 1983, juga telah dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun ini.

Di antara perkara yang terkandung dalam undang-undang tersebut termasuklah keperluan lesen bagi kedai-kedai runcit, bengkel dan lain-lain lagi.

Menurutnya, pertimbangan mengenai dengan keperluan lesen ini adalah dikendalikan oleh Pejabat Daerah yang mempunyai satu badan yang dipanggil 'Jawatankuasa Melesen' sementara dalam kawasan bandar ianya dikendalikan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran sendiri.

## Tamat Kursus Penyelamat Bomba

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai tiga orang pegawai dan lima orang anggota pasukan Bomba Brunei yang diketuai oleh Pemangku Penolong Penguasa Bomba, Pg. Haji Kamaluddin bin PKN Pg. Anak Wahab telah menamatkan kursus Penyelamat di Pusat Latihan Perkhidmatan Bomba, Kuala Kubu, Malaysia pada 27 September lepas. Mereka telah mengikuti kursus tersebut selama tiga minggu.

## Pengumuman Ujian Lisan SRPB/BJCE

LEMBAGA Peperiksaan Brunei mengumumkan bahawa Ujian Lisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPB) dan Brunei Junior Certificate of Education (BJCE) 1983 akan bermula pada 17 Oktober hingga 24 Oktober 1983.

Oleh yang demikian, calon-calon persendirian yang menduduki peperiksaan tersebut yang belum lagi menerima jadual waktu bagi ujian lisan adalah dengan ini dinasihatkan supaya datang ke Lembaga Peperiksaan Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas bila-bila masa waktu pejabat dibuka untuk mendapatkan jadual waktu tersebut.



SURUHANJAYA Brunei di Singapura baru-baru ini telah mengadakan majlis sambutan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-37 tahun bertempat di dewan 'Ballroom' Singapore Hilton. Majlis yang diadakan pada malam 20 Ogos itu telah juga dihadiri oleh duta-duta dari Republik Jerman, Korea, Thailand dan beberapa orang wakil Suruhanjaya Tinggi di Singapura serta pegawai kanan Brunei yang berada di itu. Gambar Pesuruhjaya Singapura, Awang Kassim bin Haji ketika mengalu-alukan cik Howe Yoon Chong Kesihatan Singapura Kerajaan Singapura tetamu kehormat tersebut.

## Angka tunjuk harga barang pengguna bulan Ogos naik 0.2 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Unit Perancang Ekonomi Pejabat Setiausaha Kerajaan telah mengeluarkan Angka Tunjuk harga barang-barang pengguna bagi bulan Ogos 1983.

Angka tunjuk harga barang-barang pengguna bagi bulan tersebut ialah 138.5 mata dan ini adalah lebih tinggi sebanyak 0.2 peratus dari angka tunjuk bulan Julai 1983. Berbanding dengan angka tunjuk bagi bulan yang sama tahun 1982, angkat tunjuk bagi bulan ini adalah juga lebih tinggi sedikit iaitu 0.3 peratus.

Kenaikan angka tunjuk bagi bulan ini disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan-kumpulan seperti makanan yang meningkat sebanyak 0.2 peratus, permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan-perkhidmatan kebudayaan meningkat 0.8 peratus. Barang-barang serta rampaian meningkat 0.1 peratus itu yang lainnya masih tetap

Barang-barang yang kenaikan angka tunjuk bulan gandum, roti pilihan (assorted strawberry, daging lembu dan kaca mata serta bayaran Kedudukan harga ikan basah dan pada keseluruhannya lebih dan meningkat sebanyak 0.6 bulan yang terdahulu.

Buah-buah seperti betik murah dan ini menyebabkan angka tunjuk kumpulan kecil peratus. Manakala harga ayam sayuran yang lain adalah lebih itu angka tunjuk kumpulan sayuran dan penghasilannya sebanyak 0.4 peratus.

# PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU

62. Huruf *uo* tetap menjadi *uo*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| quorum | kuorum |
| quota | kuota |

63. Huruf *uu* menjadi *u*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| continuum | kontinum |
| vacuum | vakum |

64. Huruf *v* tetap menjadi *v*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| universal | universal |
| visa | visa |
| vitamin | vitamin |

65. Huruf *w* tetap menjadi *w*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| kiwi | kiwi |
| wire | wayar |
| watt | watt |

66. Huruf *wh* menjadi *w*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| whisky | wiski |
| whistle | wisel |

67. Huruf *x* menjadi *ks*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| executive | eksekutif |
| index | indeks |
| taxi | teksi |
| telex | teleks |

68. Huruf *x* tetap menjadi *x*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| xenon | xenon |

69. Huruf *y* menjadi *i*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| dynasty | dinasti |
| sociology | sosiologi |
| biology | biologi |

70. Huruf *y* tetap menjadi *y*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| royalty | royalti |
| yankee | yanki |

71. Huruf *z* atau *zz* menjadi *z*

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| jazz | jaz |
| plaza | plaza |
| zodiac | zodiak |

CATATAN

1 Selain daripada penyesuaian ejaan di atas, kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain dibuat penyelarasan ejaannya juga berdasarkan pada :

i) Beberapa kata tertentu yang telah diterima menurut ejaan lama dengan menggunakan huruf e pepet.

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| class | kelas |
| club | kelab |
| glass | gelas |
| grant | geran |
| plan | pelan |
| stamp | setem |

ii) Ejaan gugus konsonan (e pepet tidak digunakan dua huruf gugus konsonan yang pertama taan) yang terdapat dalam bahasa Inggeris dikekalkan bentuknya dalam bahasa Melayu beberapa penyesuaian.

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| block | blok |
| clinic | klinik |
| drama | drama |
| script | skrip |
| store | stor |

iii) Unsur asing yang sudah diserap ke dalam bahasa dan biasa dieja cara Melayu.

Contoh :

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu |
|---|---|
| bureau | biro |
| custom | kastam |
| driver | drebar |
| modern | moden |
| pension | pencen |
| station | stesen |

PERINGATAN : Semua pertanyaan mengenai panduan jukan kepada Dewan Bahasa dan Begawan, Brunei.



AWANG Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika berucap di majlis tersebut.

# Kerjasama rakyat — Kerajaan : MANTAPKAN NEGARA

TUTONG. — Kemajuan yang dicapai oleh negara dan rakyat serta penduduk setakat ini berpengaruh besar ke atas kemantapan negara dalam erti kata rakyat dan penduduk memberi kerjasama dan menaruh kepercayaan kepada kepimpinan tertinggi negara dan Kerajaan.

Dengan sebab itu, terbentuklah satu susunan hidup aman dan sejahtera di mana semua pihak baik dalam Kerajaan mahupun orang ramai sentiasa berkepentingan untuk memelihara dan mengekalkan keamanan.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman berucap demikian di majlis perjumpaan penerangan bagi penduduk-penduduk Mukim Lamunin pada Jumaat lepas menyatakan inilah rahsia kejayaan rakyat di Brunei dalam membangunkan dan memajukan negara ini yang sukar difahami dan diseluki oleh orang luar yang membuat ukuran mengenai satu-satu kemajuan dan pencapaian taraf hidup rakyat berdasarkan berbagai teori dan ilmu.

Tambahan lagi, katanya, jika orang luar itu terdiri daripada orang-orang barat mereka tidak dapat menyeluki dan mengesan dengan jelas bagaimana mantap negara ini bukan kerana taraf kehidupannya yang baik di mana Kerajaan dan rakyat berpegang kuat kepada peraturan-peraturan dan amalan-amalan ugama.

Pada sangkaan mereka, hidup yang mewah tidak akan memperdulikan nilai-nilai ugama dan sekiranya mereka berpegang teguh kepada ajaran-ajaran ugama ia pasti menolak kesenangan dan kemewahan dan sebenarnya rakyat tidak mempunyai semangat untuk membangun dan semangat untuk maju, beliau menambah.

"Itu adalah mengikut pemikiran orang luar tetapi yang nyatanya kita menikmati keselesaan dalam negara yang mewah dan terus-menerus memegang nilai-nilai menwujudkan suasana dan keadaan hidup yang aman dan sejahtera bahkan berjaya membentuk suatu keadaan yang penuh tenteram bagi negara kita."

Menyentuh mengenai bidang pelajaran, Awang Haji Badaruddin menegaskan menjelang merdeka dan selepas merdeka nanti tidak sepatutnya timbul anggapan bahawa dasar-dasar yang sudah terbukti berkebajikan kepada negara ini akan berubah dan patut diubah, terutama sekali dasar negara dalam memberikan peluang pelajaran kepada setiap rakyat di mana menerusi bidang pelajaran seseorang rakyat boleh mendapat kesempatan yang luas untuk memperbaiki taraf kehidupannya dan juga keluarganya untuk melayakkan dirinya mencapai taraf sosial yang tinggi menerusi apa-apa tanggungjawab yang diberikan kepadanya oleh negara.

Beliau menambah, menerusi dasar yang meletakkan asas-asas perlumbaan yang sihat di kalangan rakyat yang dapat dicapai pada masa ini dapat mendatangkan kemajuan yang menyeluruh kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Penghulu Mukim Lamunin, Awang Abang bin Sahat yang juga selaku pengerusi majlis pada hari itu. Seramai kira-kira 200 orang penduduk-penduduk Mukim Lamunin dan sekitarnya menghadiri perjumpaan penerangan bertempat di Dewan Sekolah Melayu Lamunin, anjuran Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan.

# ELAKKAN PERTIKAIAN SESAMA SENDIRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam menaruh jangkaan-jangkaan dan harapan-harapan semasa menjelang dan selepas merdeka nanti, orang ramai hendaknya mengelakkan sebarang pertikaian sesama sendiri berhubung dengan cara bagaimana pemerintahan dan pentadbiran negara harus dan akan dijalankan.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyerukan demikian ketika berucap di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Penuduk Mukim Sungai Kedayan malam Selasa lepas di Sekolah Pengiran Haji Mohd. Salleh, Kampung Sultan Lama.

Negara ini, katanya telah sedia dengan corak kenegaraannya sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam di mana ciri-ciri Melayu dan Islam adalah dominan ke atas hal-ehwal Kerajaan dan rakyat sejak dahulu lagi.

Pengarah Penerangan seterusnya menjelaskan bahawa bangsa Brunei telah menerima hakikat pemerintahan Beraja itu turun-temurun.

Kita, tambah Awang Haji Badaruddin, mentaati Raja serta menjunjung kedaulatan Baginda untuk Baginda memerintah dengan adil. Itu adalah corak yang jelas bagi Brunei dan telah mempengaruhi cara Brunei dan rakyatnya diperintah dan cara rakyat memberikan kerjasama dalam mendukung pemerintahan sedemikan.

Pemerintahan Beraja yang menjadi hakikat kenegaraan kita itu, jelas beliau, terus-menerus dalam corak Melayu dan Islam sekali pun rakyat dan penduduk negara ini tidak seratus-peratus Islam; dan tidak dapat dinafikan corak tersebut besar pengaruh dan kesannya ke atas corak hidup rakyat dan penduduk termasuklah juga ke atas sikap dan amalan kerajaan.

Selanjutnya Pengarah Penerangan menegaskan lagi, corak kenegaraan yang sedemikian itu bukan saja patut dipertahankan bahkan juga dikembangkan dengan semangat dan keyakinan yang teguh menjadikannya falsafah kenegaraan yang benar-benar berakar umbi.

"Apa pun cara dan gaya yang akan kita ikuti dan amalkan yang mana sekalipun cara baharu, dalam suasana dan era yang baharu, tetapi mestilah jangan sampai menjejaskan apa lagi merosakkan dan merobohkan corak ketulenan Negara Brunei Darussalam sebagai negara Kesultanan Melayu Islam," ujarnya lagi.

Seterusnya beliau menekankan bahawa sekalipun kita mahukan perubahan, yang memang wajar berikutan pencapaian kemerdekaan, tetapi bukanlah perubahan yang selarah-larahnya yang semata-mata kerana mahu mengubah atau kerana mahukan sesuatu yang baharu yang belum pernah dirasai.

Bagi menjamin kemantapan negara yang berterusan, kita, ujarnya, perlu mempastikan yang sebarang perubahan mestilah beransur-ansur dan benar-benar setakat yang menghendaki perubahan, bukan secara radikal dan semata-mata ingin mencuba.

"Untung nasib kita dan keturunan kita seluruhnya bergantung kepada keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan kita apabila mengubah atau mengadakan sebarang perubahan ke atas cara kita memikul dan melaksanakan tanggungjawab berkerajaan dan berpemerintahan," tegas beliau lagi.

Majlis malam itu telah dihadiri oleh lebih 200 orang penduduk mukim tersebut dan telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Pg. Haji Mohd. Yassin bin Pg. Metassan, Guru Besar Sekolah Rendah Pengiran Digadong Haji Mohd. Salleh.



SEBAHAGIAN dari penduduk Mukim Lamunin yang hadir.



SALAH seorang penduduk Kampung Sungai Kedayan sedang mengemukakan pertanyaan dalam perjumpaan penerangan di kampung tersebut.

# GAMBAR-GAMBAR PESTA PANTAIRIA DI LUMUT SEMPENA PUJA USIA D.Y.M.M. KE-37 TAHUN

Gambar-gambar : Ak. AbuBakar Pg. Othman





PENGIRAN Badaruddin bin Pg Ghani ketika berucap pantairia yang telah diadakan pada 29 September bahan seni mempertahankan diri salah satu acara penonton di pesta itu (kiri). Selain daripada ahli-ahli Tae Kwando juga turut beraksi (bawah).





PESERTA ini begitu bersungguh-sungguh agar piasaunya tidak jatuh hingga ke garis penamat dalam satu acara lumba di pesta dalam guni satu acara yang sungguh melucukan, di samping itu pula kanak-kanak turut bergembira dengan cara mereka





SUKAN PELITA Kelolaan: Manal Rahman

# FERNANDEZ DAN RIO BERI KEMENANGAN PILIHAN ARGENTINA

JARINGAN Walter Fernandez di minit ke-21 dan Jorge Rio ke-84 memberikan kemenangan mutlak Pasukan Pilihan Argentina ke atas Kebangsaan Brunei yang berlangsung dalam satu perlawanan yang berat malam Isnin lepas.

Kemenangan Pilihan Argentina ke atas Brunei itu adalah juga kemenangan yang ketiga berturut-turut sejak menjuarai tahta Pestabola Merdeka yang baru lalu.

Sebelum ini pasukan tersebut telah seri dengan Hongkong dan menewaskan Sarawak 2 — 1.

Laungan 'viva Argentina' masih bergema dengan megahnya dalam khemah pasukan tersebut.

Sungguh pun padang dalam keadaan yang memuaskan sebelum hujan turun. Pilihan Argentina gagal menunjukkan satu persembahan yang baik mungkin kerana masih keletihan.

Pasukan Kebangsaan yang mendapat sokongan penonton kerana pemainan yang cantik hanya dapat bernafas dalam masa sepuluh minit sebelum Argentina melepas serangan-serangan yang pantas.

Argentina yang banyak membuat serangan melalui pemain sayap kanannya yang pantas. Rio hanya mengambil masa lima minit untuk mencuba penjaga gol Brunei, Ibrahim Bakar.

Jorge Rio terlalu pantas untuk pemain Brunei dengan lariannya yang mengelirukan, melepaskan diri macam belut, membawa bola dengan melepaskan diri dari kepungan pemain Brunei telah mengambil alih perhatian dari penyerang utama pasukan pilihan itu, Walter Fernandez.

Fernandez gagal menunjukkan persembahan yang pernah dibuatnya di kejohanan Pestabola hingga menjadikan beliau penjaring terbanyak disebabkan 'dipukau' oleh bayangan Shari Timbang.

Sebaliknya, Yusof Rashid terasa 'sesak nafas' oleh Jorge Rio dan terpaksa meminta bantuan dari beberapa rakannya yang lain.

Melalui salah satu serangannya di minit ke-21 separuh masa pertama Rio meluluskan diri dan hanya berdepan dengan Ibrahim Bakar untuk membuat percubaan dan Jafari terpaksa membuat satu rempuhan yang keras bagi menghalangnya.

'Tackle' Jafari memberikan tendangan penalti dan dengan kencang Fernandez melepaskan tembakannya di sudut kiri pintu gol.

Pilihan Argentina tidak memberikan peluang langsung untuk Brunei mengatur serangan dan mereka seolah-olah sudah dapat membaca setiap gerakan yang dibuat untuk serangan.

Dengan kawalan bola yang cantek para pemain Argentina jarang membuat hantaran yang tidak senonoh dan membabi buta malah mereka lebih gemar dengan membuat pass satu dua dengan cara dekat tapi berkesan.

Corak ini seringkali memperdayakan pemain Brunei dan dengan hanya hantaran-hantaran dekat itu selalu memecahkan benteng pertahanan pasukan negara.

Para pemain Brunei hilang fikiran untuk mengatur sesuatu serangan yang berkesan dan kekurangan bantuan yang sepatutnya untuk barisan depan oleh para pemain tengah telah menyebabkan Roslan, Majidi dan Jaafar Sulong tidak menyengat.

Benteng yang kuat dengan mudah mematahkan setiap serangan yang diatur dan sejak dari awal lagi penjaga gol Argentina, Carlos Lopez 'bergoyang kaki' melihat telatah rakan-rakannya saja.

Argentina tidak menurunkan Miguel Colombatti, penggerak utama pasukan tersebut kerana masih cedera di bahunya dan dua penjaring kemenangan Argentina ke atas Algeria, Jose Tartalo dan Jose Delbono.

Jika ketiganya bermain mungkin akan lebih menyengat dan menarik corak permainan Argentina ditambah dengan kehadiran Jose Tartalo yang mirip Diego Maradona dengan corak permainan yang hampir sama.

"Kami tidak dapat menunjukkan permainan yang sebenarnya kerana para pemain masih keletihan setelah mengadakan dua perlawanan sebelum ini. Tapi saya berpuas hati dengan apa yang dipersembahkan oleh para pemain.

Para pemain Brunei tidak mempunyai kebolehan tapi setakat ini mereka lambat berfikir untuk mengatur serangan dan membaca permainan lawan tapi jika diberikan dan didedahkan mengadakan perlawanan dengan pasukan yang baik mereka boleh meningkat dan menjadi pasukan yang kuat," ujar jurulatih Carlos Rodriguez.

Carlos Rodriguez menjelaskan bahawa penyerang utamanya, Walter Fernandez tidak dapat bermain dengan baik kerana kawalan ketat dari nombor 9 (Shari Timbang) dan beliau belum pulih dari kecederaannya.

Fernandez, 23 tahun pernah bersama Maradona di Argentinos Juniors, 1980 disifatkan oleh ketua jurulatih pasukan tersebut, Albino Valentino sebagai penyerang yang mirip dengan permainan Mario Kempes.

"Jika tidak percaya dengan kebolehannya berikan ia ruang necaya ia akan menjaringkan gol-gol pembunuh. Tapi di sini beliau tidak bernafas oleh ubat dari pemain itu (nombor 9)," ujar Valentino beseloroh.



**KEJOHANAN sepak takraw anjuran PGGMB sempena Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia tahun ini untuk kali yang ke-21 telah berakhir minggu lalu dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Penaung Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei (PESTABARU), YAM Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin. Gambar atas Yang Amat Mulia itu ketika menyampaikan hadiah kejohanan kepada ketua pasukan Badan Kebajikan dan Sukan Letrik, Awg. Rahim bin Omar.**

**Sebanyak lebih 40 buah pasukan seluruh negara telah menyertai kejohanan itu dan bertarung dalam pemilihan awal. Badan Kebajikan dan Sukan Letrik I dan II berjaya menyandang johan dan naib johan sementara PERKASA ditempat ketiga dan PAPP di tempat keempat.**

**PERKASA muncul sebagai johan dalam bahagian daerah Kumpulan I, naib johan Badan Kebajikan dan Sukan Letrik, Sementara Kumpulan II PERKASA sebagai johan dan naib johan PGGMB.**

**BAHAGIAN Bulatan Badan Kebajikan dan Sukan Letrik johan, naib johan PERKASA dan ketiga PAPP.**

## 14 pasukan sertai kejohanan Bolalesut

JABATAN Kebajikan Belia dan Sukan buat julung kalinya telah menganjurkan kejohanan bolalesut jemputan yang berlangsung selama tiga hari bermula 7 hingga 9 Oktober lepas.

Kejohanan yang berjalan di Padang Kebajikan telah diambil bahagian 14 pasukan dari Belait dan Brunei Muara termasuk enam pasukan wanita.

Dalam menjelaskan kejohanan ini, pengurusnya, Awang Mohd. Noor bin Abdullah menyatakan tujuan utama jabatan ini menganjurkan kejohanan bolalesut adalah untuk memberikan peluang dan menarik minat kaum belia dan orang ramai agar lebih ramai yang akan menceburi sukan ini.

"Ini juga adalah berikutan dari sambutan yang begitu menggalakkan setelah sukan ini diperkenalkan melalui akan jabatan ini sejak April lepas terutamanya di Daerah Belait dan Brunei Muara," tambahnya.

Lebih 100 orang telah mengambil bahagian dalam kejohanan yang dijalankan secara 'double knock-out' itu. Pasukan yang menang telah menerima hadiah sumbangan dari jabatan tersebut.

# Pilihan Rio de Jenerio adakan perlawanan

JUMAAT ini kehebatan rentak samba Brazil pula akan bergema dan menggoncang Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Ini berikutan pengesahan bahawa Pilihan Rio de Jenerio dari Brazil akan juga mengadakan perlawanan di Brunei.

Peminat-peminat tempatan yang kini boleh diibaratkan 'soccer crazy' akan berpeluang buat pertama kalinya menyaksikan permainan bolasepak Amerika Latin yang sudah memang terkenal dengan sambanya di tengah padang.

Para peminat memang sudah lama mendengar dan mengkagumi corak permainan Brazil dan sudah lama jatuh cinta dari khabar saja. Kini yang dicintai sudah datang, peluang begini tentu tidak akan dilepaskan.

Pasukan Pilihan Rio dari Brazil ini adalah dalam perjalanan membuat perlawanan persahabatan di Hongkong, Singapura setelah menyertai kejohanan Pestabola Merdeka di Kuala Lumpur.

Meskipun gagal mempertahankan kejuaraan setelah ditewaskan di peringkat separuh akhir oleh juara tahun ini, Argentina namun jurucakap Brazil, Rafael Eduardo Bolanos mengatakan bahawa mereka akan mempersembahkan pertunjukan yang sebaiknya jika keadaan mengizinkan.

"Kami membawa bersama beberapa pemain terbaik dari Rio dan kesemuanya mempunyai keupayaan individu yang cemerlang dan soal persefahaman tidak timbul," jelasnya.

Para pemain Rio ini adalah kesemuanya terdiri dari pemain profesional terbaik yang dipilih dari enam buah kelab Bahagian Satu Liga Rio iaitu Sao Coistovad, Olaria, Madureira, Portugesa, Mesquito dan Amerika.

Penjaga golnya, Ricardo Barros (26 tahun) adalah bekas penjaga gol kelab ternama Brazil, Vazco De Gama.

Lain-lain pemain ialah Jofre Park Dias (28 tahun) bekas rakan pemain ulung Brazil, Zico ketika di kelab Flamengo dan pemain tulang belakang kelab Amerika Rezende de Oliveira.

Jurulatih pasukan tersebut membayangkan barisan depannya akan diketuai oleh Nazario Eugeno Mariano, pakar mengelecik dari kelab Portugesa dan penyerang utama pasukan tersebut dalam kejohanan Pestabola Merdeka dan merupakan penjaring terbanyak di kejohanan tersebut bersama Fernandez dari Argentina.

Selain itu bersama mereka ialah beberapa orang pemain yang pakar tendangan bebas seperti Olaria, Hitler, Luiz Sladivia Gisler.

Daniel Pinto, Jurulatih Pilihan Rio ini pula adalah orang yang pernah menjadi jurulatih bintang-bintang ternama Brazil seperti Rivelino, Garrincha dan Gerson (skuad Piala Dunia Brazil 1970).

Pilihan Rio ini telah gagal mempertahankan kejuaraan Pestabola Merdeka yang dimenangi oleh Sao Paulo (1981) dan Santa Catarina pada tahun lepas.

Bagaimanapun Daniel Pinto menjelaskan : "Kami akan berusaha menunjukkan kepakaran dan keupayaan yang diharapkan oleh semua peminat dan berjanji akan mempersembahkan satu permainan yang baik dan menarik untuk peminat tempatan terutama mereka yang menyanjung kepakaran bolasepak Brazil."

Skuad penuh Pilihan Rio de Jenerio, Brazil ini terdiri dari Pengurus, Dr. Hildo Nejar; Pengarah Teknik, Danil Pinto; Doktor, Dr. Pio Souza Luito; Penolong Jurulatih, Luiz Carlos Prima; dan Tukang Urut, Antorio Rosa.

Sementara para pemain terdiri dari penjaga gol : 



**Nazario Mariano......pakar menggelecik**

Ricardo Barros. Pertahanan : Julio Alves Marino, Mauro Rezende De Oliveira, Jofre Park Dias, Orlando Luiz Macini.

Tengah : Antonio Carlos, Oliveira Machado, Marcos Antonio, De Silva Gomes, Jorge Nicanor Da Silva. Penyerang : Hitler Luiz, Sladivia Gisler, Nazario Eugeno Mariano, Edson Silva De Cassa.

Pemain-pemain simpanan, Jose Luiz Lopez, Edson Silva De Cassia, Jorge Luiz Cabral, Marcelino Jorge De Silva, Gwlson De Silva Ferreira dan Antonio Carlos Alves Maeiros.



DATO Paduka Awang Selamat sedang dibawa oleh Pengerusi Pameran untuk menyaksikan hasil-hasil pameran (atas dan bawah). Manakala gambar-gambar kanan kelihatan Dato Paduka Awang Selamat sedang menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang lelaki dan perempuan dalam pameran tersebut.



# PAMERAN LUKISAN DAN PERTUKANGAN TANGAN

PAMERAN Lukisan dan Pertukangan Tangan bagi sekolah-sekolah menangah dan maktab-maktab seluruh negara telah berlangsung di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong minggu lalu.

Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap yang selanjutnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada mereka-mereka yang berjaya memenanginya.

Lebih daripada 11 buah sekolah menengah dan maktab-maktab yang menghasilkan lebih daripada 600 lukisan dan kerja tangan telah menyertai peraduan yang merupakan sebahgian dari aktiviti tahunan Jabatan Pelajaran [illegible] kesenian itu.

Majlis perasmian [illegible] pameran pada hari itu [illegible] mula dengan ucapan [illegible] oleh Pengetua [illegible] Menengah Melayu [illegible] Hashim, Awang Moksin [illegible] Abdul Kadir yang juga [illegible] pengerusi.





## Ketetapan harga barang keperluan

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 5 Oktober 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   2. Chai Huat Trading, No. B2, Jalan Roberts.
2. LADA KERING: $3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Kim Seng Choon, No. 91, Jalan Pemancha.
   2. Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
3. BAWANG MERAH: $1.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Soum Huat, No. 28, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chop How Min, No. B, Chinese Chamber of Commerce.
   2. Chin Fatt, No. 60B, Jalan Pretty.
2. LADA KERING: 3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Koh Kee, No. 60, Jalan Pretty.
3. BAWANG MERAH: $1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Choo Seng, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.

**SERIA**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Foo Hap Seng, No. 20 Jalan Sultan Omar Ali.
2. LADA KERING: $3.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
3. BAWANG MERAH: $1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Choo Heng & Co, No. 3o, Jalan Sultan Omar Ali.

# Orang2 bukan Islam tidak patut curiga

PEKAN TUTONG. — Orang-orang yang bukan Islam di negara ini yang memahami akan kedudukan ugama Islam tidak sepatutnya merasa curiga akan niat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan niat orang-orang Islam dalam mengembangkan serta meninggikan syiar ugama Islam.

Kerana perkara ini, sememangnya dasar dan matlamat Kerajaan bagi mengembangkan, mempertahankan dan mempastikan syiar Islam akan terus-menerus berpengaruh di negara ini sesuai dengan kedudukan ugama Islam yang menjadi ugama anutan Raja dan rakyat sejak turun-temurun lagi.

Pengarah Penerangan, Awg. Hj Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan demikian sejurus sebelum merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran dan Hafaz Ayat-Ayat Lazim Bagi Saudara-Saudara Baru Peringkat Akhir pada hari Sabtu lepas bertempat di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain di sini baru-baru ini.

Katanya, sejarah juga membuktikan bahawa pengalaman rakyat dan penduduk negara ini di bawah pemerintahan Raja-Raja Melayu Brunei, rakyat dan penduduk dari semua lapisan penghidupan telah hidup dengan aman menikmati keadilan.

"Dengan adanya pemerintahan Raja-Raja Melayu Islam Brunei dan pengaruh kekuasaan orang-orang Islam dalam menjadi pemerintah bagi pihak Raja, negara ini juga telah dapat dipelihara ketulenan dan kedaulatannya dan semua lapisan rakyat dan penduduk hidup dengan bersefahaman di antara satu dengan yang lain tanpa mengira keturunan," jelas Pengarah Penerangan.

Sebab itulah, kata [illegible] dasar-dasar yang [illegible] masa ini terutama [illegible] ehwal ugama telah [illegible] buktikan menolong [illegible] kalkan serta [illegible] mutu dan taraf [illegible] Brunei dengan [illegible] penduduknya [illegible] kehidupan yang [illegible] dan selesa.

(Lihat muka 1[illegible])



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Badaruddin kelihatan sedang menyampaikan [illegible] kepada salah seorang peserta perempuan dalam peraduan tersebut.

# GAMBAR-GAMBAR SEKITAR KEPULANGAN JEMAAH HAJI



"ALHAMDULILLAH, sampai sudah di tanahair."

SERAMAI 1918 orang jemaah-jemaah haji telah selamat pulang ke tanahair setelah menunaikan fardu haji lebih sebulan di tanah suci.

Rombongan pertama telah tiba di negeri ini pada 26 September yang baru lalu dengan 473 orang jemaah, rombongan kedua pada hari berikutnya mengandungi 493 orang, rombongan ketiga menyusuli keesokan harinya dengan jemaah seramai 479 orang manakala rombongan terakhir tiba pada 30 September mengandungi 473 orang jemaah haji.

Beratus-ratus sanak-saudara jemaah-jemaah haji elah membanjiri Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menyambut kepulangan jemaah-jemaah haji itu.

Turut berada di lapangan terbang untuk mengalu-alukan ketibaan jemaah haji itu ialah Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Speaker Majlis Mesyuarat Negara, YDM Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Ahli-ahli Penasihat Haji.



JELAS terbayang kegembiraan tanda kesyukuran di wajah para jemaah ini setelah selamat menunaikan rukun Islam yang kelima.



Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ketika mengalu-alukan para jemaah di Lapangan Terbang Antarabangsa di Berakas.




SETIAP kali pemergian dan kepulangan jemaah-jemaah haji. Bangunan Lapangan Terbang ini dibanjiri oleh orang ramai.

# Perutusan 1404 Hijrah: Peristiwa Hijrah titik pemisah antara iman dan kufur



Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dalam perutusan awal tahun 1404 Hijrah menekankan bahawa tahun Hijrah yang merupakan salah satu peristiwa yang besar dalam sejarah Islam adalah satu peristiwa yang menjadi titik pemisah antara keberanian dan iman dengan ketakutan dan kufur, serta lambang bagi penyerahan diri seseorang hamba kepada Allah Subhanahu Wataala setelah puas berusaha dengan segenap daya dan ikhtiar.

"Selama kira-kira 13 tahun perjuangan menanam benih Islam di Mekah tidak begitu berjaya dan orang Islam di Mekah tidak dapat bangun melawan segala tentangan dari golongan majoriti Kufur Quraisy," jelas Y.D.M. Pehin.

Peralihan tempat dari Mekah ke Madinah telah membuka jalan bagi umat Islam bersatu padu membina kekuatan yang selama di Mekah tidak dapat diatur dan disusun disebabkan keadaan dan tempat yang menekan. Kekuatan yang dibina berdasarkan iman dan takwa, persatuan dan persaudaraan yang lebih kukuh dan padu dari hubungan keluarga dan tujuan hidup yang jelas untuk dicapai telah menyebabkan umat Islam dapat bangun dengan cepat jelas. Y.D.M. lagi.

Dalam masa dua tahun dari peristiwa itu, umat Islam telah dapat menghadapi kekuatan tentera kafir Quraisy buat pertama kali dan dapat mengalahkan mereka walaupun berjumlah hampir 1,000 orang sedangkan tentera Islam hanya 300 orang.

Makna yang terkandung di dalam peristiwa Hijrah itu, jelas Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, seterusnya ialah satu perubahan atau pemindahan dari satu keadaan yang lemah dan tidak memuaskan, tidak akan tercapai jika tidak disertai dengan perancangan-perancangan dan langkah-langkah yang teratur dan berani serta diikuti oleh sikap ingin berkorban dan taat setia yang kukuh yang akhirnya dibaluti dengan iman dan ikhlas kerana Allah. Di samping itu ianya juga memperlihatkan bahawa dalam tiap-tiap sesuatu itu kesempurnaannya memerlukan lain-lain tenaga yang baik dan memahami keperluan yang dikehendaki.

Bersempena kedatangan tahun Hijrah ini, YDM Pehin Tuan Imam [illegible] agar peristiwa Hijrah [illegible] orang-orang yang [illegible] dalamnya: akan [illegible] ikutan dalam [illegible] kita lebih hampir [illegible] Allah supaya kita [illegible] hamba-hamba-Nya [illegible] dikasihi-Nya [illegible] akhirat.

Perjalanan [illegible] kebahagiaan, yang [illegible] oleh Allah bagi [illegible] Mukmin, jelas [illegible] adalah sama [illegible] lamanya seperti Hijrah [illegible] Sulaiman Salallahu [illegible] Wassalam, hanya orang [illegible] benar-benar jujur [illegible] akan dirinya sahaja yang [illegible] berjaya.



MODEL Bangunan Pejabat- Pejabat Daerah Belait.

## Pejabat2 Daerah Belait

(Dari muka 4)

8 ekar di mana keseluruhannya akan menempatkan Pejabat-pejabat Daerah, Ukur, Pertanian, Immigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Buruh, Bahagian Penerangan Setiausaha Kerajaan dan Pejabat Tanah.

Kerja-kerja pembinaannya dijalankan oleh pemborong Yong Tze Ksiok manakala urusannya dikendalikan oleh perunding Peter Robbinson Assiocoate.

## Kursus Syarikat Kerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kemajuan Kerjasama akan menganjurkan satu kursus kepada ahli-ahli syarikat Kerjasama Serbaguna Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara dengan Tanggungan Berhad.

Kursus tersebut akan diadakan esok, 13 Oktober bermula jam 8.00 pagi selama sehari, bertempat di Dewan Kuliah Peringatan Churchill. Kursus tersebut akan dirasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin.

# Orang bukan Islam tidak patut curiga

Dari muka 12

Dasar seumpama ini, tambah Awg. Haji Badaruddin lagi, ternyata mendatangkan faedah kapada kita semua dan untuk Brunei di masa hadapan dan tidak ada sebab untuk siapa-siapa pada masa ini mencurigai dan mempengaruhi perubahan di dalamnya semata-mata dengan anggapan Brunei yang merdeka nanti perlu menyesuaikan diri dengan taraf dan identiti antarabangsa yang diperolehi.

"Kita semua mempunyai kepentingan terhadap negara ini kerana itu semua harus mempunyai tanggungjawab menurut keupayaan masing-masing bagi mempastikan tunggak kekuatan Brunei dengan ugama Islam akan kekal dengan pengaruhnya ke atas hal-ehwal Negara, Kerajaan dan rakyat serta penduduk," tegas Awg. Haji Badaruddin.

Mudahan-mudahan semangat seumpama ini, tambahnya, akan terus bertiup dalam suasana Brunei menjelang kemerdekaannya dan setelah kemerdekaan nanti.

Terdahulu dari itu, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Pertandingan, Awg. Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Dato Seri Utama Hj Ismail, Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama, Dakwah dan Tabliq, Brunei.

Pertandingan yang bertema "Beramal dan Bertakwa" pada tahun ini telah disertai oleh lapan orang peserta lelaki dan lapan orang peserta perempuan dari keempat-empat Daerah di negara ini, dan telah dianjurkan oleh Bahagian Dakwah dan Tabliq, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Pemenang pertama dalam pertandingan membaca Al-Quran lelaki telah dimenangi wakil dari Daerah Temburong, Awg. Hj. Ahmad bin Abdullah dan tempat kedua dimenangi oleh Awg. Shafiee bin Abdullah dari Daerah Belait dan ketiga oleh Awg. Saiful Asyura bin Yintun dari Daerah Tutong.

Pemenang Membaca Al-Quran bahagian perempuan, pertama Dyg. Nor Asrina bte 'Abd Rahman dari Daerah Brunei-Muara, kedua Dyg. Anita Farid Silaina bte Abdullah dari Daerah Tutong dan tempat ketiga dimenangi oleh Dyg. Rosmi bte Salleh dari Daerah Belait.

Bahagian Hafaz Ayat-ayat Lazim lelaki, tempat pertama dimenangi oleh Awg. Bukhari bin Sulaiman dari Daerah Belait, kedua Awg. Muhammad Rauzi bin Abdullah dari Daerah Brunei-Muara dan tempat ketiga Awg. Mohd Hakim bin Abdullah dari Daerah Tutong.

Sementara Dyg. Widyananti bte Abdullah dari Daerah Tutong telah memenangi Hafaz Ayat-Ayat Lazim Perempuan, tempat kedua Dyg. Ardinah bte Othman dari Daerah Brunei-Muara dan tempat ketiga Dyg. Zahirina bte Ali Rahman dari Daerah Belait.

Bagi menyerikan lagi majlis pertandingan itu satu ceramah khas dalam Bahasa Dusun juga telah disampaikan oleh Awg. Suhaili bin Abdullah.

## Lapan anggota AMDB naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah D.Y.M.M Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam lapan orang lagi anggota Askar Melayu Diraja Brunei dinaikkan pangkat.

Pemangku Mejar Mohamed Yusuf bin Abu Bakar dari Bengkel Pasukan telah ditetapkan menjadi Mejar mulai 2 Oktober ini. Tujuh orang Leftenan dinaikkan pangkat kepada Kapten mulai 21 Ogos yang baru lalu. Mereka itu ialah Kapten Pg Hamid bin Pg Ali Omar dari Logistik Depot, Kapten Osman bin Lahab dari Cawangan Udara, Kapten Mahmud bin Salleh dari Angkatan Laut, Kapten Haji Jaffery bin Hassan dari Batalion Pertama, Kapten Hamidon bin Haji Mohd. Noor dari Kompeni Markas, Kapten Mirasan bin [illegible] dari Skuadron [illegible] Kapten Bujang bin [illegible] dari Bengkel Pasukan.

## Seminar pegawai2 kanan JKR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya akan menganjurkan satu seminar bagi pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut dan khusus juga kepada kontrektor-kontrektor tempatan.

Seminar yang bertajuk 'Execution of building in civil engineering work under term contract' itu akan berlangsung selama sehari pada hari Khamis 13 Oktober ini.

Ianya akan diadakan di Bilik Taklimat Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan akan dihadiri oleh kira-kira 50 orang peserta.

Seminar dalam bahasa Inggeris itu adalah bertujuan untuk memberi fahaman yang betul tentang pengendalian bangunan dan kerja-kerja kejuruteraan am terutamanya kepada kontrektor-kontrektor tempatan.



DAYANG Aisah [illegible]

## Ikuti kursus Diploma Kewartawanan

BERAKAS. — [illegible] pemberita dari [illegible] Bahagian Penerangan [illegible] jabat Setiausaha [illegible] Dayang Aisah [illegible] telah berlepas [illegible] pada hari Khamis [illegible] Beliau mengikuti [illegible] ternational Diploma [illegible] bidang kewartawanan [illegible] lebih kurang [illegible] Darlington [illegible] Technology [illegible] Kingdom.

Dayang Aisah [illegible] kursus tersebut [illegible] Latihan Dalam Perkhidmatan Kerajaan. [illegible] berkhidmat [illegible] ini selama [illegible] tahun, sebelum [illegible] nah mengikuti [illegible] patan [illegible] bahagian [illegible] Harian [illegible]

# Kursus pengendali makanan

…LAN MUARA. — …bagai satu langkah …mperbaiki ataupun …ninggikan taraf …kanan di negara ini, …atan Perubatan dan …ihatan dengan ker… …ma Jabatan Pelajaran …at mengadakan kursus …gi pengendali- …gendali makanan di …ruh negara.

…ursus yang diadakan …lama empat hari itu …lah dimulakan pada hari …ng lepas bertempat di …kolah Persediaan …akanan di Pusat Latihan …knikal Brunei di sini, …an telah dihadiri oleh …ra-kira 20 orang …ngendali-pengendali …akanan.

…Tujuan utama kursus ini …diadakan adalah bagi …memberikan kesedaran …kepada pengendali- …ngendali makanan …mengenai pentingnya …ebersihan makanan …kepada manusia.

…Pegawai Teknik Pentad… …iran dan Penyelia …esihatan Awam, Awang …Chua Kong Seng dalam …ucapan ringkasnya pada …ari itu, berharap agar …ursus itu akan mendatangkan pengertian yang penuh dan diamalkan oleh semua pengendali-pengendali kedai makan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan Kerajaan.

Dengan adanya kursus itu juga, beliau berharap penyakit-penyakit yang disebabkan oleh makanan kotor ataupun dicemari seperti kolera, typoid ataupun cirit-birit akan berkurangan.

Oleh yang demikian, jelasnya kerjasama dari pengendali-pengendali makanan adalah sangat-sangat diharapkan.

Pada hari pertama kursus, pengendali-pengendali makanan itu juga telah menerima penerangan bagaimana pentingnya kebersihan makanan yang disampaikan oleh Awg. Rohan Jayasundera, Pengurus Penyediaan Makanan di Pusat Latihan Teknikal Brunei.

Peserta-peserta kursus juga sempat dibawa melawat ke bilik-bilik penyediaan makanan di pusat tersebut. — ZHS



PESURUHJAYA Brunei ke Malaysia Awang Haji Jaya bin Abdul Latif ketika meraikan penuntut-penuntut tersebut.



SEBAHAGIAN dari penuntut-penuntut Brunei di Malaysia yang hadir di majlis itu.

# Majlis ramah mesra

KUALA LUMPUR. — Satu majlis ramah mesra antara pegawai-pegawai Suruhanjaya Brunei di Kuala Lumpur dengan penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai kerajaan Brunei yang sedang menuntut dan menjalani berbagai kursus di Semenanjung Malaysia telah diadakan baru-baru ini di sini.

Majlis yang diadakan di kediaman rasmi Pesuruhjaya Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif di Jalan Gurney itu juga diselanjurkan dengan sambutan Hari Raya Aidiladha.

Tujuan majlis tersebut diadakan untuk merapatkan hubungan silatulrahim dan berkenalan secara lebih dekat antara satu sama lain.

# SENARAI PENUNTUT2 MPSHB YANG AKAN MENERIMA SIJIL PERGURUAN

**SATU majlis konvokesyen ke-XI bagi seramai 151 orang penuntut Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah yang telah lulus kursus pengajian mereka bagi tahun 1980-1983 akan diadakan di Dewan Besar maktab tersebut pada hari Sabtu 15 Oktober, jam 8.30 pagi.**

**Majlis penyampaian sijil-sijil tersebut akan disempurnakan oleh Y.B. Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengarah Kerja Raya, Brunei. Berikut ialah senarai nama-nama penerima sijil tersebut.**

**…80-83 Guru-Guru Sekolah …enengah Aliran Inggeris**

Dy. Ramnah bte Ismail, …Abg. Muhammad Ali bin …Hj. Abu Hanifah @ Bu… Ghani, Aw. Ahmad …bin Kechik @ Kechi, …Ansrawi bin Mohd. …, Aw. Chekepong bin …, Ak. Ismail bin Pg. …, Aw. Noor Azalie bin …, Aw. Purat bin …, Aw. Salajan anak …, Aw. Susis bin Ukoi, …Wahid bin Paun, Aw. …bin Mohmad.

**…80-83 Guru-Guru Sekolah …enengah Aliran Melayu**

Dy. Katijah bte Hj. …, Dy. Rahimah @ … bte Ahmad, Aw. Ab… bin Latif, Aw. Aliud… bin Abdullah, Aw. Mapil …, Aw. Mohaimin …, Aw. Munawar …/Suradi/Sarjadi, … bin Ongang/Jaimie … Abdullah, Aw. Sawal bin …, Aw. Sunny bin …ad Tahir, Aw. Yong …, Aw. Zaini bin …, Aw. Zakaria bin …, Aw. Zulkifli bin Hj. …

**…80-83 Guru-Guru Sekolah …endah Aliran Melayu**

Dy. … bte Dullah, Dy. … bte Tahir, Dy. … bte Musa, Dy. …anam bte Mohd. …, Dy. Rogayah bte … Nasir @ Nassir, Dy. Rosini bte Sabtu, Dy. Ruhana bte Emran, Aw. Amit bin Hj. Ahmad, Aw. Atak/Suhaili bin Ahmad, Aw. Biden bin Jalan, Aw. Boran anak Sadang, Ak. Gulkefli bin Pg. Besar, Aw. Hamidon bin Kambar, Aw. Hasdan bin Ibrahim, Aw. Husin bin Salleh @ Md. Salleh, Aw. Jabidi bin Zainal, Ak. Jamaludin bin Pg. Ali, Aw. Latip bin Kassim, Aw. Morni bin Hj. Ibrahim, Aw. Son anak Bugik, Ak. Yusof bin Pg. Ismail, Aw. Zaini bin Md. Yusof, Aw. Abdul Razak bin Bidin, Aw. Mahrup bin Pandin, Dy. Asmah bte Besi, Dy. Asnah bte Hj. Baha @ Asmah, Dy. Bidah bte Amit, Dy. Fatimah bte Zainal, Dy. Jamilah bte Osman, Dy. Jainah bte Bakar, Dy. Mahani bte Hj. Karim.

**1980-83 Guru-Guru Sekolah Rendah Aliran Inggeris**

Dy. Abibah bte Aw. Abu Bakar, Dy. Aishah bte Ismail, Dy. Arpah bte Mohd. Salleh, Dy. Enda Unchat, Dy. Fatimah bte Zakaria, Dy. Junaidah bte Aris, Dy. Kolam bte Hj. Pungut, Dy. Koo Tin Lan, Dy. Naimah bte Abu Bakar, Dy. Nasip bte Peng Yat/Teen Nasib, Dy. Raimah bte Mawang, Dy. Saadiah bte Abdullah @ Sahdiah, Dy. Sengkiau bte Yuin, Dy. Teo Bee Chin, Dy. Yong Kim Fah, Aw. Abd. Latif bin Bakar, Aw. Ahman bin Hj Tusin/Metusin, Aw. Bakri bin Bintang, Aw. Damit bin Hj. Asmat, Aw. Mohamad bin Mohamad Sa'at, Dy. Abidah bte Jumat, Dy. Alimah bte Ahim, Dy. Asmah bte Wahab, Dk. Fatimah bte Pg. Hj Samsuddin, Dy. Hapsah Bte Mohamad, Dy. Kalsum bte Othman, Dy. Leneh bte Duraman/Abd. Rahman, Dy. Maikalsum bte Gana, Dy. Massnah bte Tongkat, Dy. Narimah bte Hj. Abd. Hamid, Dy. Normah bte Mokri, Dy. Rakiah bte Simbran, Dy. Salmah bte Aw. Ahmad/Mohamad, Dy. Siti Munah bte Hj. Marshidi, Dy. Zainah bte Nayan, Aw. Abd. Rahim bin Budin, Ak. Abd. Rahman bin Pg. Mohammad, Awang bin Abdul Ghani, Aw. Hassan bin Samsuddin, Aw. Mahadi bin Hj. Abd. Ghani, Aw. Umar bin Mohamad, Dy. Aidah bte Mohd. Said, Dy. Aminah bte Kahar, Dy. Dang Nyiur bte Dunin, Dk. Fatimawati bte Pg. Hj. Tajuddin, Dy. Jahairanni bte Muhammad, Dy. Kim Eng bte Apoi, Dy. Mado bte Tujoh, Dy. Mariam bte Nasar, Dk. Rabidah bte Pg. Badarudin, Dy. Rinsum bte Balu, Dy. Rungo bte Tagal, Dy. Siti Mariam bte Hj. Mohd. Hashim, Dy. Timah bte Silat @ Ulat, Dy. Zaliha bte Hj. Abd. Aziz, Aw. Abd. Rahim bin Mohd. Salleh, Aw. Abdullah bin Mawang, Aw. Baha bin Adam, Aw. Bukit bin Hidup, Aw. Idris bin Othman, Aw. Suhaili bin Jaafar, Dy. Alijah bte Idris, Dy. Nisfah bte Hj. Aw. Othman, Dy. Noraine bte Jumat, Dy. Noralam bte Gapor.

Dy. Rogayah bte Mat Daud, Dy. Saadiah bte Hj. Hamid, Dy. Saripah Rosnani bte Wan Ibrahim, Dy. Siti Rahmat bte Berahim, Dy. Zainab bte Hj. Tuah, Aw. Aimi bte Ribut, Aw. Dayang bin Tangkaja @ Rahimin Mohd. Yusof, Aw. Imran bin Hj. Ibrahim, Aw. Latiff bin Hj. Kula, Aw. Nawi bin Omar, Dy. Bariah bte Md. Said, Dk. Halimah bte Pg. Luba, Dy. Jamilah bte Mohamad Nor, Dy. Jasni bte Tahir, Dy. Likan bte Ambun, Dy. Maisah bte Apong, Dy. Mordiah bte Bujang, Dy. Noralam bte Bair, Dy. Rahimah bte Hj. Zaman @ Hj. Jaman, Dy. Rosnah bte Simpok, Dy. Rukian bte Mohd. Said, Dy. Selapah bte Hj. Usin, Dy. Tialam @ Zaiton bte Abd. Razak, Dy. Zainab bte Halus, Aw. Ali bin Piut, Aw. Kamis bin Miyamit, Aw. Koo Wi Yong, Aw. Maling bin Lunyung @ Maling anak Lunyung, Aw. Keria bin Mamut.

**1979-82 Guru-Guru Sekolah Menengah Aliran Melayu**

Dy. Aisah bte A Mohamad, Dy. Jenila bte Dam, Dy. Rabai bte Labau, Aw. Moni bin Latip, Aw. Mustafa bin Bujang.

**1979-82 Guru-Guru Sekolah Persediaan Inggeris**

Dy. Zaiton bte Abang Mohd. Noor, Aw. Abd. Salam bin Ismail, Dy. Rusinah bte Ibrahim, Aw. Adanan bin Musim.

**1979-82 Guru-Guru Sekolah Rendah Aliran Melayu**

Dy. Pungut bte Bujang, Aw. Basman bin Madil, Dy. Dang Teripas bte Sulor, Dk. Rose bte Pg. Hj. Tengah.

**1978-81 Guru-Guru Sekolah Menengah Aliran Melayu**

Dy. Aminah bte Hj Kadir, Aw. Adi bin Jumat dan Ak. Sarifuddin bin Pg. Hj. Damit.

**1977-80 Guru Sekolah Rendah Aliran Melayu**

Dy. Nawati bte Hj. Karim/Taha.

**1976-78 Guru Sekolah Inggeris**

Aw. Tahamad bin Ahad.

**1980-83 Kursus Dalam Perkhidmatan Bagi Penolong-Penolong Pengajar Teknikal**

Aw. Jaafar bin Hj. Hussin, Aw. Mohd. Hussin bin Hj. A. Yusof dan Ak. Mohammad bin Pg. Duraman.

## Radio minggu ini:

# APALAH SUSAHNYA

SAYA pun boleh bercakap di radio, tentu saja kedengaran ke udara asalkan saja sawat-sawat radio tidak mogok, tidak rosak.

Ya, apalah kerja yang paling enting dalam dunia ini selain dari ngobrol, berkurapak atau berborak-borak kosong di meja kedai kopi, macam pak hitam kaki temberang, cuma sambil-sambil ketawa, singgah sebentar minum kopi dalam perjalanan pulang dari sawah.

Dan apalah susahnya kalau sekadar membaca, membaca apa saja; warta berita, pengumuman, komentar, surat cinta . . . . kerana banyak orang sudah pandai membaca. Anak-anak darjah tiga, empat juga sudah pandai membaca, nenek-nenek yang sekolah dewasa juga pandai.

Memang benar. Siapa pun boleh membaca. Siapa pun boleh berkurapak dan berkunyanyang, terutama nenek-nenek tua atau mertua-mertua yang suka berkunyanyang di dapur. Tetapi masalah yang dihadapi oleh petugas-petugas penyiaran di sesebuah badan penyiaran bukanlah masalah tidak tahu berkunyanyang atau tidak tahu membaca. Masalah pentingnya ialah apakah yang akan diperbualkan itu dan bagaimana berlatih sentiasa untuk membaca agar kandungan yang dibaca itu dapat dimengerti oleh banyak orang, walaupun bukan semua.

Berbual memanglah mudah. Malah banyak orang yang hobinya suka berbual, tetapi bualan yang mengandungi unsur-unsur kebajikan susah pula hendak dicari, kerana itu sering dikatakan orang berborak kosong atau omong kosong.

Acara-acara penyiaran pun mempunyai rancangan-rancangan perbualan, tetapi ia cuba mengisi bualan-bualan itu dengan sesuatu perkara untuk disampaikan kepada para pendengar supaya topik yang diperkatakan itu dapat dimengerti oleh orang di luar studio.

Untuk memproses bahan ... inilah yang membikin pe... garu-garu kepala.

Dan dalam berbual tadi ... memperkatakan sesuatu ... dio juga mempunyai pe... penting. Setengah-setengah ... nyiaran di dunia mempu... kata tersendiri bagi panduan ... lidah penyiarannya.

Perbadanan Penyiaran Br... ringkasnya BBC mempunyai ... kata penyiaran yang berbunyi ... tion shall speak peace into ... maksudnya: 'manusia hendaklah ... nyuarakan perdamaian terhadap ... nusia.' Kita kira tujuannya ... hawa kita hendaklah memper... sesuatu dengan baik ... manusia.

Cogan kata Radio Pakistan ... ambil dari sepotong ayat Qu... berbunyi: 'Qulu Linnasi H... sudnya: berkatalah kamu kepada ... nusia dengan baik. Kerana ... kap menerusi radio adalah ... baikan, keamanan dan ke... sesama manusia.



YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yussof menyampaikan hadiah kepada naib johan, Dayang Salmaya.



MOHD Ali Nordin ketika membawakan lagu yang membawa tuah kemenangannya.

## Bintang Aslirama 83

AWANG Md. Ali Nordin bin Md. Zain, atau lebih dikenal M. Nordin, telah muncul sebagai Juara Bintang Aslirama 83 anjuran Radio Televisyen Brunei baru-baru ini bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei buat kali kedua yang disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Awang Md Ali Nordin, menewaskan tujuh orang peserta termasuk empat orang wanita. Tempat kedua disandang oleh Dayang Salmaya Haji Md Hussin, dan tempat ketiga ialah Awang Zulkifli Awang Tengah. Awang Md Ali Nordin pernah menyandang naib johan tahun lepas di pertandingan yang sama.

Johan pertandingan itu menerima hadiah wang tunai berjumlah $1,500.00 berserta sebuah oskar pusingan dan sebuah cenderamata. Naib johan menerima wang tunai berjumlah $1,000.00 berserta sebuah cenderamata sementara tempat ketiga menerima hadiah wang tunai $750.00 dan sebuah cenderamata.

# Dendang Remaja

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei akan menerbitkan se... cangan baru khusus untuk para remaja sekalian, iaitu DE... REMAJA. Para remaja yang ingin menyertai rancangan ... hendaklah berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun, sa... nah memasuki Bintang Remaja atau belum. Pihak pe... menyediakan pancaragam pengiring. Kepada para rem... ingin menyertai rancangan tersebut, sila isikan borang ... sediakan.

— — — — — — — — — — potong di sini — — — — — — — —

Kepada :

Penerbit Dendang Remaja
Bahagian Melayu
Radio Brunei
Brunei.

Saya ingin menyertai Dendang Remaja di radio terbitan ... ini saya sertakan borang permohonan saya :

Nama Peserta : ..........................................

Alamat : ..........................................

..........................................

No. Telefon : ..........................................

Tarikh Lahir : ..........................................

No. Kad Pengenalan : ..........................................

Lagu-lagu akan dibawakan :

1. ..........................................

2. ..........................................

3. ..........................................

T. Tangan : ..........................................

Tarikh : ..........................................

# Intisari minggu ini

## Masakan minggu ini:

# KEK AISKRIM ARINCO

…bahannya :

…telor, (4 biji pu-…nya)
… gula pasir
… mentega
… tepong aiskrim Arinco
… tepong self rising
… aiskrim strawberry
…du teh essen …nila, sedikit
…warna merah

…membuatnya :

1. …telur dipukul bi-… telah kembang ma-…kkan gula sedikit-…dikit, pukul lagi hingga cukup putih dan pekat, lepas itu masukkan kuning telur hingga habis.
2. Mentega dikacau bersama dengan essen vavilla bila telah cair, masukkan ke dalam adunan telur tadi sedikit-sedikit, pukul lagi hingga rata.
3. Satukan ketiga-tiga tepung tadi dan diayakkan dua tiga kali setelah itu masukkan ke dalam adunan tadi sedikit-sedikit dan kacaukan rata-rata.
4. Lepas itu masukkan aiskrim strawberry kacaukan adunan ini sehingga nampaknya rata.
5. Lepas itu bagikan adunan ini tadi kepada dua bahagian. Sebahagian masukkan dengan warna merah dan yang sebahagian tadi biarkan putih sahaja.
6. Sapu acuan pembakar dengan sedikit mentega dan alaskan dengan alas kertas pembakar kuih. Kemudian masukkan adunan warna merah sebanyak 1½ sudu besar senduk nasi. Bakar sampai masak. Setelah adunan ini masak tekankan dengan gelas yang disapukan dengan mentega rata-rata. Lepas itu barulah masukkan adunan yang putih pula, bakarlah seterusnya bergilir ganti hingga adunan itu habis.

PERHATIAN: — Bakarlah kek ini dengan menggunakan api di atas sahaja.




SATU siri rancangan dokumentari baru THE COMMANDING SEA bermula Isnin depan kira-kira jam 9.15 malam yang akan disampaikan oleh Clare Francis (atas).

## 'Pengorbanan'

**Oleh : …hamed Hirbusu**

…NDIWARA Radio Mi-… ini berjodol PENG-…BANAN tulisan Mo-… Hirbusu, Singa-…

…rtentangan pendapat … cara perubatan … dan lama telah di-…kan oleh penulis … sandiwara ini. … seorang anak mu-… yang bekerja sebagai … nelayan, merasa … puas hati bila Pak … enggan membawa …nya Maisura berjum-… dengan doktor, dise-… sakitnya dipercaya kerana perbuatan … orang lain.

…nya Pak Long meng-… langkah meminta ban-… dari Tok Dali, orang … disegani kerana keahli-… di bidang ubat-meng-… Bagaimanapun Amran … menaruh keyakinan ter-…nya, memandangkan te-…nyak pesakit lain yang … rawatannya telah … mangsa.

… yang bersimpati de-… penderitaan Maisura, se-… upayanya berusaha un-… memujuk ayahnya Pak … agar mendapatkan ra-… dari doktor. Malang-… Amran itu tidak … sambutan dari Pak … dan Tok Dali sendiri. …kan tindakannya itu, … pula menerima an-… dari Tok Dali. Ba-…pun, ia tetap tidak … asa untuk menerus-…nya demi untuk … Maisura. Kerana … akan kebenarannya, … Amran dapat mem-… tentang sesuatu yang … doga-doga oleh Pak … akan berlaku terhadap …

… yang terjadi ter-… Maisura? Apa pula … yang diperolehi oleh … itu? Dapatkah Mai-… diselamatkan? Untuk … jawapan pada per-… pertanyaan ini, para … adalah dipersilakan … mengikuti siarannya … Oktober, 1983 jam …

… ini diselenggara-… oleh Jamilah …



## Tetamu Minggu Ini

PENYANYI veteran lagu-lagu irama asli dari Malaysia Barat, Kamariah Noor turut diundang oleh Radio Televisyen Brunei bagi menyerikan Pertandingan Bintang Aslirama 83, anjuran Radio Televisyen Brunei baru-baru ini. Kelihatan dalam gambar, Kamariah Noor sedang ditemuramah oleh Dayang Zainab Haji Md. Taha dalam rancangan 'Tetamu Minggu Ini.' Rancangan tersebut akan dapat diikuti pada hari Ahad, 16 Oktober, 1983 jam 5.00 petang. Dan ulangannya pada hari Khamis, 20 Oktober, 1983 jam 2.30 petang.

## *Rancangan TVP dari 17 Oktober hingga 22 Oktober 1983*

### ISNIN — 17 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 978.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN KERUSI, MAIN KIM, MINUM, SI MANIS, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 978.

### SELASA — 18 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 979.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, LUKISAN, DARI RUMAH, MINUM, YANG MANA GANJIL, HALAMAN BELAJAR dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 979.

### RABU — 19 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 980.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MUZIK, BOLA TUMBUK, MINUM, HALAMAN BELAJAR, KAJIAN SEMULA JADI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 980.

### KHAMIS — 20 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 981.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, TUNJUK BENDA, MINUM, SI MANIS, PETI SURAT dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 981.

### SABTU — 22 OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 982.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, BELON SI MANIS, MINUM, DI MANA TEMPATNYA, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 982.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 12 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 WOODY WOODPECKER
6.00 BERITA AWAL
6.05 MAMA MALONE
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 MAMA MALONE — sambungan
6.35 321 CONTACT

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: (Episod terakhir)
7.28 AZAN ISYAK
7.33 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.45 MAGNUM: "Did You See The Sunrise?"
Magnum dan T.C. sanggup berkorban untuk menyelamatkan kawan lama mereka yang akan menjadi mangsa musuhnya sejak perang Vietnam.
10.35 TAYANGAN GAMBAR: "Garden of Evil"
Mexico dalam waktu gold-rush 1850an. Kisah tamak, haluba, cemburu dan pembalasan mengenai tiga orang pengembara yang mengiringi seorang wanita mengharungi negeri dengan segala kesukaran demi untuk menyelamatkan suaminya. Pelakon-pelakon: Gerry Cooper, Susan Hayward, Richard Widmark, dan lain-lain.
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 13 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 KIMBA THE WHITE LION: "Restaurant Trouble"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 KIMBA THE WHITE LION — sambungan
6.30 WORLD OUT DOORS: "Snow of Garibaldi"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VOYAGERS: "Destiny's Choice"
Dalam pengembaraan Jeffrey dan Bogg kali ini, mereka memberi dorongan kepada Franklin Delano Roosevelt untuk [illegible] lebih kuat selepas sembuh dari penyakit polionya.
7.28 AZAN ISYAK
7.33 VOYAGERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 REGGIE JACKSON'S WORLD OF SPORTS
10.45 CHICO AND THE MAN: "Ed Brown versus Chico"
11.15 THE DEVLIN CONNECTION: "Claudine" (Episod terakhir)
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 14 OKTOBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

**PETANG**

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.15 BRET MAVERICK: "Faith, Hope and Clarity" Bhg. 2
3.00 MIGHTY MAN AND YUKK (Episod terakhir)
3.30 JOANIE LOVES CHACHI: "Best Foot Forward"
Dengan tidak mengindahkan larangan kedua orang tuanya, Chachi bersama Joanie pergi menonton satu tayangan gambar Peranchis; di pawagam mereka terserampak dengan kedua orang tua Chachi.
3.30 AZAN ASAR
3.33 JOANNIE LOVES CHACHI — sambungan
4.00 THE PUPPY'S NEW ADVENTURE
4.25 FILEM RENCANA TEMPATAN: "Panorama" Bhg. 3 (ulangan)
4.55 THE ELECTRIC COMPANY
5.10 WORLD OF TOOLS
5.35 RICKETY ROCKET (Episod terakhir)
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 YOU ASKED FOR IT — sambungan
6.30 WIDEWORLD: "People Out of The Past"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS: "Where's Aaron?"
Aaron terlibat dalam satu pergaduhan ketika hendak menyelesaikan persengketaan mengenai pengusiran penghuni-penghuni sebuah bangunan.
7.28 AZAN ISYAK
7.33 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA: "Cuaca Semakin Cerah" Bhg. 5
9.45 KNOTS LANDING: "Investments"
10.35 BENSON (Episod terakhir)
11.05 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 15 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THUNDARR THE BARBARIANS: "Treasure of Monks"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 THUNDARR THE BARBARIANS — sambungan
6.30 JUST KIDDING

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JOHN DENVER SHOW
7.28 AZAN ISYAK
7.33 JOHN DENVER SHOW — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
9.15 MARI MEMASAK: "Kek aiskrim Arinco"
Resipinya ada disiarkan di muka 17.
9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Malam Pengantin"
11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Antonio And The Mayor"
Satu persembahan yang dramatik mengisahkan seorang budak lelaki dengan basikalnya dari satu komuniti yang terpencil di Mexico. Pelakon-pelakon: Gregory Sierra, Javier Marc, Diego Gonzales, dll.
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 16 OKTOBER

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.30 AZAN ASAR
3.33 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 SMURF
4.30 COMPUTER PROGRAMME "Talking To A Machine"
5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS: "Neighbours"
5.45 SPIDERMAN (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.11 AZAN MAGHRIB
6.21 SPIDERMAN — sambungan
6.30 ALICE: "Call To Arms"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Last Time I Saw Michael"
A.J. dan Rick menyangka pencurian apabila mereka diupah oleh seorang janda kaya Margaret Wells, yang mendakwa bahawa suaminya siapa yang telah hilang di laut lima tahun terdahulu — ada melawat dan meminta wang kepadanya.
7.26 AZAN ISYAK
7.31 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 SIARAN LANGSUNG DARI DEWAN RAYA
9.30 FORAM
10.30 MIND YOUR LANGUAGE (Episod terakhir)
11.00 SMILEY'S PEOPLE
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI IS[illegible] 17 OKTOB[illegible]

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN [illegible] BERDOA
4.28 SUSUNAN RAN[illegible]
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PIGEON STREET "Time For A Hobb[illegible]
5.15 SCOOBY AND SCRA[illegible]
5.40 SHIRT TALES
6.00 BERITA AWAL
6.05 SHIRT TALES — [illegible]
6.11 AZAN MAGHRIB
6.21 SHIRT TALES — [illegible]
6.30 BLAKE'S SEVEN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM [illegible] INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M[illegible] "Truth or Conseq[illegible]
7.26 AZAN ISYAK
7.31 TRAPPER JOHN [illegible] sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRA[illegible]
8.45 LIPUTAN NASION[illegible]
9.15 ALL STAR WRESTL[illegible]
9.45 THE COMMANDO[illegible] "The Edge of the [illegible] Laut menyelubungi [illegible] dari permukaan [illegible] cis, seorang pelaut [illegible] "ramans" dan [illegible] mannya dengan [illegible]
10.45 CAPTAIN AMERICA
11.45 SIARAN TAMAT

## HARI SELAS[illegible] 18 OKTOB[illegible]

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN [illegible] BERDOA
4.28 SUSUNAN RAN[illegible]
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PACMAN
5.30 THE GARY COLE[illegible]
6.00 BERITA AWAL
6.05 DOKUMENTARI — [illegible] QUEST — "Dan[illegible] Bhg. 1
6.11 AZAN MAGHRIB
6.21 DOKUMENTARI — [illegible]

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM [illegible] INGGERIS
7.15 THE FALL GUY "Reluctant Tra[illegible]
7.26 AZAN ISYAK
7.31 THE FALL GUY — [illegible]
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRA[illegible]
8.45 ARENA SUKAN
9.45 DYNASTY
10.45 TAYANGAN GA[illegible] "B.A.D. CATS" Pelumba kereta [illegible] Ocee James [illegible] burglary auto [illegible] theft — dan [illegible] curi sebuah [illegible] kan satu kecurian [illegible] juta-juta ringgit [illegible] Asher Brauner, S[illegible] Pfeiffer, dan lain-la[illegible]
12.15 SIARAN TAMAT

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam |
| | Bingkisan Hari Ini |
| | Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita-berita dalam dan luar negeri) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 12 OKTOBER

8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.00—Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Diah Iskandar.

TENGAH HARI : 1.30 — Hiburan Paduan ...

PETANG : 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Siaran Sekolah-sekolah (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 4.00 — Serbanika Hiburan ... 4.30 — Bangsawan Di Udara (Tajuk ... Siri Keempat), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15—Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Titian Budaya (SU), 9.00—Menyusur Pendalaman, 9.30—Purbawara/Citrawara.

## HARI KHAMIS 13 OKTOBER

8.30 — Pertanian (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI : 1.30 — Hiburan.

PETANG : 2.00—Purbawara/Citrawara, (SU), 2.30—Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00—Irama Gambus, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.45 — Untuk Awda, 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM : 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.30 — Lagu-lagu Asli.

## HARI JUMAAT 14 OKTOBER

9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI : 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG : 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, ... — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan ... Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — ... Senja.

MALAM : 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.25 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Majalah Ugama (SU), ... — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU 15 OKTOBER

PAGI : 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Untuk Adik-adik, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Pilihan Pendengar.

TENGAH HARI : 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem.

PETANG : 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli (SU), 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM : 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

## HARI AHAD 16 OKTOBER

PAGI : 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00—Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI : 12.00 — Tahniah dan ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.

PETANG : 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Titian Budaya, 3.45 — Majalah Sukan, 4.15 — Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM : 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan/Puspasari (SU), 9.30 — Di Buang Sayang.

## HARI ISNIN 17 OKTOBER

PAGI : 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00— Wanita dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI : 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG : 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun, 3.15—Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Kitani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama (SU).

MALAM : 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Sains Dan Perusahaan, 9.00 — Lagu-lagu Keroncong, 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 18 OKTOBER

PAGI : 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Rampaian London, 10.45 Lagu-lagu Permintaan Kaum Wanita, 11.30 — Dari Lambaran Awda.

TENGAH HARI : 1.30 — Hiburan Riang Ria.

PETANG : 2.00 — Kusampaikan Salam, 3.15 — Gema Silam, 3.30 — Usaha Jaya (SU), 4.00 — Gema Keroncong/Pusparama, 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM : 7.00 — Ruangan Kitani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanahair (SU), 9.30 — Bahas Sekolah-Sekolah.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

**Wednesday**

P.M.

8.00 Feature : Wagner's Ring : An Appreciation Prog 1 "The Rhine Gold" — 1/4.
8.30 Hello Tomorrow.
9.00 Popular Classics
9.30 Jazz At The Stables.

**Thursday**

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 Sixty-Minute Theatre: "I'm a Dreamer" by Montreal.
9.30 Country Club — 62.

**Fridays/Holidays**

A.M.

11.00 Fifteen Minute Feature : Lost Civilisation — a series of short feature on 4 ancient civilisations which are now being rediscovered with excavation work: Prog 2.
11.15 Light Music From The Netherlands — 669.
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 The New Swingle Singers — 3/4.
12.45 My Music — 270/436.

P.M.

1.15 Book Club : "Cry the Beloved Country" by Alan Paton — 8/10.
8.00 The World of Books.
8.30 Up The Belait River Without A Paddle
9.00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat)

**Saturday**

P.M.

8.00 Melody Time.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 277/287.
9.30 Top of The Pops — 984.

**Sunday**

A.M.

11.00 Our Views : A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh — prog. 21.
11.30 Practical World
11.45 London This Week.
12.00 A Date with . . .

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 984. (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Reflections on a Partnership: British and American Attitudes to Postwer Foreign Policy.
8.30 Beautiful Music — 42/48.
8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Drama : "Patterson" — by Malcolm Bradbury and Christopher Bigsby — a comedy serial set in an English provincial university — 7/8.

**Monday**

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five : "The Twilight Dinner" by Lennox Brown.
8.45 The Moody Blues Story Part 2 : Night In White Satin (Side 2 of 2).
9.30 A Play On Words — 16.

**Tuesday**

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special : "Nick Lowe and His Noise To go" (Side 2).

**Daily**

A.M.

6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's AM.
7.00 Local News, weather forecast, tide times and Brunei In History.
7.05 Brunei's AM (continued)
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.
12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, followed by Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.

P.M.

9.15 News.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN, BRUNEI.

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. BILAL: (Askar Melayu Diraja Brunei).

**Tanggagaji:** D. 1-2 EB. 3 $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 20 tahun.
b) Hendaklah lulus Darjah VI Sekolah Ugama atau sekurang-kurangnya lulus Peringkat Rendah Sekolah Ugama Dewasa.
c) Hendaklah tahu membaca dan menulis jawi.
d) Hendaklah tahu membaca Al-Quran.
e) Hendaklah tahu dalam menyempurnakan jenazah.
f) Boleh menyampaikan Azan dan Qamat dengan baik.
g) Hendaklah mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.
h) Hendaklah pandai berdikir.

2. OPERATOR TELEFON/ PENYAMBUT: (Jabatan Pertanian).

**Tanggagaji:** E. 2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yagn tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas:**

Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

3. ATTENDAN PERPUSTAKAAN (Jabatan Pertanian).

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 25 tahun.
b) Sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.
c) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perpustakaan tidak kurang dari 2 tahun.
d) Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.
e) Kebolehan dalam membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, tidak lewat dari 31 Oktober, 1983.

(E/1659/77)

(Bil: 194/1983).

## Di Jabatan Perbendaharaan, Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perbendaharaan, Brunei.

1. PENGENDALI KOMPUTER:

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5— $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sekurang-kurangnya lulus 4 mata pelajaran G.C.E. Peringkat Biasa dan 2 tahun pengalaman sebagai Pengendali Penyediaan Data; Atau
b) Sekurang-kurangnya 5 tahun mempunyai pengalaman sebagai Pegendali Penyediaan Data.

Pengetahuan tentang suasana memproses data adalah perlu.

**Tugas-tugas:**

Mengendalikan kerja-kerja komputer dan mempastikan tatacara pengendalian yang standard sentiasa dituruti.

2. PENGENDALI PENYEDIAAN DATA:

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Sekurang-kurangnya lulus 4 mata pelajaran G.C.E. Peringkat Biasa dan mempunyai kecekapan dalam jurusan kira-mengira dan mengendalikan papan kekunci (Keyboard).

**Tugas-tugas.**

Melaksanakan tugas memasukkan data dalam Data Entry Machines.

3. KERANI PENGAWALAN:

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sekurang-kurangnya lulus 3 mata pelajaran G.C.E. Peringkat Biasa dan
b) Cenderung dalam peyemakan kerja dan
c) Boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

**Tugas-tugas:**

Mendaftar semua dokumen-dokumen yang keluar masuk serta menghubungi pihak-pihak yang berkenaan mengenai dengan dokumen yang perlu diambil atau dibetulkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 27 Oktober, 1983.

(E/1494/79)

(Bil: 199/1983).

## Di Jabatan Radio Dan Televisyen

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

1. PENGAWAS (TUKANG LETRIK):

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai 3 tahun pengalaman sebagai Pelatih Teknikal/Juruelektrik yang bertugas di studio televisyen. Kebolehan sebagai seorang pemimpin dalam mengawal bilangan kakaitangan yang kecil, adalah diperlukan.

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada Juruletrik yang mempunyai kelayakan yang sesuai dalam bidang pertukangan dan pengalaman dalam kerja-kerja pemeliharaan pemasangan elektrik juga akan dipertimbangkan.

**Tugas-tugas:**

Bertanggungjawab terhadap Pengawas Lampu bagi menyelia Juru-juru Letrik Studio yang bertugas mengawas perlengkapan lampu-lampu studio. Bertanggungjawab sebagai orang utama bagi pemeliharaan elektrik dalam studio.

2. PEMBANTU STUDIO:

**Tanggagaji:** F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon mestilah sekurang-kurangnya telah lulus Tingkatan III aliran Melayu atau Inggeris dan bersopansantun serta mempunyai perwatakan yang baik. Berminat dalam kerja studio Radio adalah merupakan satu keistemewaan.

**Tugas-tugas:**

Mengutip dan menghantar pita-pita. Memandu atau mengiring para penonton. Mengiringi artis-artis ke bahagian solek, pakaian, kantin dan lain-lain. Memastikan yang studio dan bilik-bilik kawalan sentiasa dalam keadaan kemas.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei, dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 20 Oktober, 1983.

(E/670/75) (Bil: 183/1983)

## TAWARAN LEMBAGA BANDARAN BELAIT

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menyediakan PAKAIAN SERAGAM (UNIFORM) bagi 80 Orang Perempuan dan 5 Orang Lelaki Atendan Luar dan 4 Orang Pengawas Letak Kereta di Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria.

Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat-pejabat, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 31 Oktober, 1983. Tawaran yang diterima selepas tarikh tersebut akan ditolak.

Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat yang tertutup. Di muka sampul itu tidaklah boleh didapat tanda yang boleh mengenalkan nama Penawar.

Kerja yang ditawar mestilah disebutkan dengan terang di sampul surat itu dengan perkataannya mestilah "MENYEDIAKAN PAKAIAN SERAGAM DI PEJABAT LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran yang diterima dalam sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

Mengenai dengan jenis kain pakaian seragam, Penawar-penawar bolehlah datang ke Pejabat Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa bekerja sebelum mengemukakan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

## SEBAGAI AHLI BOMBA PELATIH

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai AHLI BOMBA PELATIH di Jabatan Pasukan Bomba, Brunei.

**Tanggagaji:**

Mulai dari $375.00 sebulan dan selepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan calon-calon yang dipilih akan dinaikkan menjadi Ahli Bomba Kelas II dengan gaji sebanyak $480.00 sebulan dalam sukatan gaji P 1 — $480 — $600 sebulan. Elaun 'p' sebanyak $100.00 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan:**

a) Umur — di antara 18 dan 28 tahun.
b) Tinggi — sekurang-kurangnya lima kaki empat inci.
c) Dada — sekurang-kurangnya 34 inci.
d) Pelajaran — seorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut di atas hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding di Sekolah Inggeris atau lain-lain sekolah.

**Kesihatan:**

Pemohon-pemohon hendaklah tidak memakai kaca mata dan mestilah mempunyai badan yang sihat dan tegap dan mendapat kelulusan peperiksaan kesihatan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan dan Kesihatan Kerajaan.

**Menjalankan Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya apabila didaftarkan adalah dikehendaki menjalankan tugas-tugas di mana-mana Balai Bomba di seluruh Negara.

**Tempat Kumpulan Pengambilan:**

Pengambilan orang-orang baru ini akan diadakan di Kuala Belait, Seria, Tutong, Temburong dan Muara.

a) Calon-calon dari Kuala Belait adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Kuala Belait pada 31 Oktober, 1983 (Hari Isnin mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.
b) Calon-calon dari Seria adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Seria pada 31 Oktober, 1983 (Hari Isnin) mulai jam 1.30 hingga 4.00 petang.
c) Calon-calon dari Tutong adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Tutong pada 1 Nobember, 1983 (Hari Selasa) mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.
d) Calon-calon dari Temburong adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba ... 2 Nobember ... Rabu ... pagi hingga ... hari.
e) Calon-calon ... ke ... orang-orang ... Bomba ... 4.00 petang.

Calon-calon ... membawa ... kad-kad ... bilan ...

Hanya ... mempunyai ... perti yang ... minta ... tersebut.

Ujian Bertulis ...

Seseorang ... khidmat ... daklah ... honannya ... tannya ... bersama-sama ... dan satu ... khidmatan ...

Borang ... didapati ... Perjawatan ... Bomba ... tempat ...

(E 29/62 ...)

(Bil: ...)

## Sebagai Pembantu Teknik

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMBANTU TEKNIK di Pejabat Daerah Tutong.

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
b) Lulus sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dalam aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya; atau
c) Calon-calon yang mempunyai kelulusan pelajaran rendah dari di atas tetapi mempunyai pengalaman luas dalam hal pengiraan bahan-bahan binaan dan pengukuran tanah juga akan dipertimbangkan.

**Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya akan bertanggungjawab mengawas serta mengatur tugas pekerja-pekerja, menyediakan ...

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI TUKANG LETRIK TINGKAT KHAS

[PER]MOHONAN-permohonan [adalah] dipelawa daripada [calon-]calon yang berkelayakuntuk dilantik sebagai [TU]KANG LETRIK TING[K]AT KHAS di Askar Melayu [Diraja] Brunei.

Tanggagaji: D.4 EB.5 — [$...-]$1290 sebulan.

[Kela]yakan dan Pengalaman:

[a) B]erumur antara 25 hingga [..] tahun.

[b) M]esti mempunyai Sijil [City] and Guilds "kursus [..] dalam kerja-kerja Pemasangan Letrik" atau se[ban]ding dengannya.

[c) M]esti mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun [pe]ngalaman memasang dan [me]nyelenggara dalam [kerja-]kerja pemasangan [letrik] dalam bangunan.

[d) P]engalaman untuk mengg[una]kan pekerja-pekerja yang [mem]buat kerja-kerja se[perti] (c) di atas adalah [satu] kelebihan.

[e) C]alon-calon yang beraya [hen]daklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah, dan juga di luar masa bekerja biasa.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonos juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 2 Nobember, 1983.

(E/2250/81)

(Bil: 204/1983).

## SEBAGAI KERANI TINGKAT III

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai KERANI TINGKAT III di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon mestilah telah mencapai umur 18 tahun ke atas.

b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

c) Mereka-mereka yang telah menduduki Tingkatan 5 akan juga dipertimbangkan.

d) Pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat sebagai pelayan atau jawatan yang seumpamanya yang telah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah Kerajaan boleh juga dipertimbangkan.

f) Mereka yang mempunyai Sijil Menaip dan Trengkas adalah diberi keutamaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 10 Nobember, 1983.

(E/274/62/5)

(Bil: 206/1983).

## Sebagai Ketua Tukang Masak

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai KETUA TUKANG MASAK di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Tanggaaji: F.4-5 EB.6 — $490-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon hendaklah berumur tidak kurang daripada 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I Melayu/Inggeris atau yang sebanding dengannya.

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas, tetapi telah berkhidmat selama 5 tahun sebagai Tukang Masak di Sekolah-Sekolah, Asrama-Asrama, Restoran-Restoran, atau Kantin-Kantin yang dikendalikan oleh Kerajaan atau Swasta atau mempunyai pengalaman dalam hal masak-memasak di tempat-tempat yang tertentu boleh juga dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Catatan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 31 Oktober, 1983.

(E/348/81)

(Bil: 202/1983).

## Sebagai Pemandu / Mekanik Motosangkut Tingkat Khas

[P]ERMOHONAN-permohonan [adalah] dipelawa daripada ca[lon-]calon yang terdiri dari [rakyat] Kebawah Duli Yang [Maha] Mulia Paduka Seri Ba[gin]da Sultan dan Yang Di[pertuan] Negara Brunei Darus[salam] untuk dilantik seba[gai] PEMANDU/MEKANIK [M]OTOSANGKUT TING[K]ATAN KHAS di Jabatan [Dewan] Bahasa dan Pustaka, [Brunei].

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB 4 — $410-$700 sebulan.

**[Kela]yakan dan Pengalaman:**

[a)] Pemohon-pemohon mesti[lah] berumur tidak lebih [dari] 45 tahun.

[b)] Mempunyai pengalaman [se]kurang-kurangnya satu [tahun] sebagai pemandu motosangkut dan biasa hi[li]r mudik di sungai-sungai [Brunei], terutamanya per[jalanan] ke Daerah Tembu[rong].

c) Pandai membaca dan menulis.

d) Sekurang-kurangnya mempunyai kebolehan sedikit-sebanyak dalam urusan membaiki kerosakan jentera motosangkut.

e) Pemohon-pemohon yang dapat menunjukkan Surat Akuan Bekerja sebagai Mekanik Motosangkut akan diberi keutamaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan Brunei. Tarik tutup: 31 Oktober, 1983.

(E/543/76)

(Bil: 200/1983).

## RBMR TENDER NOTICE

TENDER No. 68/1983

SUPPLY OF ELECTRICAL FITTINGS PERWIRA CLASS.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 7th November, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1400 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any offer.

## Penyelenggara Stor Tingkat III

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYELENGGARA STOR TINGKATAN III di Jabatan Pelajaran (Bahagian Lembaga Peperiksaan) Brunei.

**Tanggagaji:** E.1-2-3 EB.4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau sebanding dengannya.

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 26 Oktober.

(E/2176/83)

(Bil.: 195/1983)

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA BRUNEI

### No. 75/1983

[T]AWARAN-tawaran akan di[terima] oleh Pengerusi Lem[baga] Tawaran, Brunei di Pe[jabat] Kewangan Negara, Ban[dar] Seri Begawan, sehingga [12.00] tengah hari, hari Isnin [7] Nobember, 1983 bagi mem[bek]alkan barang-barang yang [terse]but di bawah untuk Jaba[tan] Stor-Stor dan Perbekalan [Negara], Brunei: —

[P]ENGANGKUTAN DAN [P]EMUNGGAHAN 1984 [M]ENGADAKAN KENDE[R]AAN (TRUCK) DAN [B]URUH-BURUH BAGI [M]ENGANGKUT, ME[M]BUAT, MEMUNGGAH DAN MENYUSUN BARANG-BARANG KE[PU]NYAAN JABATAN [S]TOR-STOR DAN PER[BE]KALAN NEGARA BAGI TEMPOH SE[T]AHUN DARI 1 [J]ANUARI 1984 HINGGA [31] DISEMBER 1984.

[Butir-]butir lanjut mengenai [syarat-]syarat tawaran bolehlah [diperolehi] dari Pejabat Stor[-Stor] dan Perbekalan-Perbe[kalan] Negara, Batu 3½, Jalan [Gado]ng, Brunei semasa waktu-waktu bekerja dengan membayar wang cagaran (deposit) sebanyak $1,000.00.

### No. 76/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Nobember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVERNMENT RICE SHIPMENT FOR THE YEAR 1984.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 77/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Nobember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

PEMBEKALAN GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BS. 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO B.S.B. 21 UNSOCKETED END TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 78/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Nobember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

PEMBEKALAN TOILET PAPER ROLL.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 79/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Nobember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

PEMBEKALAN HOSIERY WIPER OR MUTTON CLOTH (RAG) GRADE UBCHR 1.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## JABATAN PASUKAN BOMBA
## PEMBERITAHUAN TAWARAN 14/1983

SYARIKAT-syarikat tempatan yang berdaftar adalah dipelawa bagi tawaran-tawarannya untuk membekalkan Kasut "Moulded Black Shoes" dalam jangka selama dua tahun.

2. Syarikat-syarikat yang mengemukakan tawaran-tawarannya, hendaklah menyertakan atau menghantar segala jenis contoh-contoh kasut yang ditawarkan, kepada Pegawai Turus atau Penyelenggara Stor Jabatan Pasukan Bomba Negara Brunei, Jalan Tutong.

3. Syarikat-syarikat yang mengemukakan tawaran-tawarannya, yang tidak menyertakan atau menghantar segala jenis contoh-contoh kasut seperti dikehendaki di atas tidak akan dilayani.

4. Surat-surat tawaran hendaklah tertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara Tingkat Bawah Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan. Dan sampul surat hendaklah bertanda, "Tawaran bagi membekalkan Moulded Black Shoes" Jabatan Pasukan Bomba B.S.B. dan hendaklah di hantar tidak lewat pada 7 Nobember, 1983 jam 12.00 tengah hari.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 360 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK ; "PEMBINAAN 1 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA BAGI SEKOLAH MELAYU BENGKURONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Oktober. 1983.

Tarikh tutup : 17 Oktober. 1983.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 361 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK : "KERJA-KERJA SALURAN NAJIS BAGI PEJABAT POS BARU DI MUARA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Oktober. 1983.

Tarikh tutup : 17 Oktober. 1983.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 362 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk :

PROJEK : "MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU CRUSHER-RUN KE JALAN SIMPING SUBOK-MANGGIS, DAERAH BRUNEI-MUARA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Oktober. 1983.

Tarikh tutup : 17 Oktober. 1983.

Cagaran tawaran : $1,000.00.

### BIL. 363 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas 'B' dan 'A' yang berdaftar :

PROJEK : MEMBEKAL, MENGHANTAR MEMASANG, MENGUJI DAN KOMISEN BAGI MEDIUM VOLTAGE UNINTERRUPTABLE POWER SUPPLY SYSTEM BAGI RUMAH SAKIT YANG DICADANGKAN DI BANGAR, TEMBURONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Block A-3, 1st Floor, Chempaka Shopping Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 17 Oktober. 1983.

Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL. 364 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong X-Ray untuk :

MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN KOMISEN BAGI X-RAY PROTECTIVE FINISHES BAGI CADANGAN RUMAH SAKIT BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Block A-3, 1st Floor, Chempaka Shopping Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 17 Oktober. 1983.

Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL. 365 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk

PROJEK : "PEMBINAAN DAN PENYIAPAN KOMPLEKS BANJARAN RAPIER FIRING YANG DICADANGKAN DI BANJARAN BINTURAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Ptd Ltd., No. F.11, Seri Temasek Complex, Seri Shopping Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Nobember, 1983.

Tarikh tutup : 7 Nobember, 1983.

Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 366 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN PADANG BOLA YANG DICADANGKAN DI KAMPUNG MATA-MATA KAWASAN PERPINDAHAN, GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Oktober. 1983.

Tarikh tutup : 17 Oktober, 1983.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 367 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN KOMPLEKS SUKAN MAKTAB S.O.A.S. PERINGKAT II, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1983.

Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00

### BIL. 368 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Pengawalan Api untuk :

MEMBEKAL, MEMASANG, PENGUJIAN ... MISEN BAGI PEMASANGAN ... BAGI RUMAH SAKIT YANG ... DI BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Block A-3, 1st Floor, ... Shopping Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Oktober ...

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1983.

Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL. 369 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Perkakas Penyuchi Pakaian untuk :

MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN ... PERKAKAS-PERKAKAS PENYUCHI ... BAGI RUMAH SAKIT YANG DICADANGKAN DI BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Block A-3, 1st Floor, ... Shopping Complex Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Oktober ...

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1983.

Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL. 370 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Barang-barang Dapur untuk :

MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN ... BARANG-BARANG DAPUR BAGI RUMAH SAKIT YANG DICADANGKAN DI BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Block A-3, 1st Floor, ... Shopping Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Oktober ...

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1983.

**Cagaran tawaran : $500.00.**

### BIL. 371 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK : "MEMBUAT DAN MENGABUNG ... RABOT KAYU KELAS I, II DAN III ... MENGGANTIKAN RUMAH-RUMAH ... AN BAGI JANGKA MASA DUA TAHUN ...

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1983.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 ...

### BIL. 372 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK : "KERJA-KERJA MEMBAIKI ... YANG ADA DI SEKOLAH MENENGAH ... BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1983.

**Cagaran tawaran : $100.00.**

### BIL. 373 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas 'A' yang berdaftar untuk :

PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI ... DERMAGA PELABUHAN MUARA ... CADANGKAN DI MUARA, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati Associated Consultants Pte Ltd., No. F.11, Seri Temasek Complex, Seri Shopping Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis ... ber, 1983.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 ...

Tarikh tutup : 31 Oktober, 1983.

### BIL. 374 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK : "KERJA-KERJA MEMBAIKI ... NGUSAI KESELURUHAN RUMAH ... TASEK DI JALAN TASEK, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Oktober, 1983.

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1983.

**Cagaran tawaran : $200.00.**

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan) kecuali hari kelepasan awam.*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

## JABATAN PERTANIAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei bagi :

**KERJA-KERJA MEMBINA UNIT PENCAMBAHAN POKOK BUAH-BUAHAN DI KILANAS.**

Butir-butir boleh didapati dari Ketua Bahagian Agronomi, Pusat Penyelidikan Pertanian Kilanas (Telefon 61352-3-4).

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sarung surat yang tertutup tanpa tanda-tanda yang menunjukkan nama atau alamat pihak menawarkan tetapi hanya dengan perkataan-perkataan :

**SULIT — PEMBINAAN UNIT PENCAMBAHAN POKOK BUAH-BUAHAN DI KILANAS — JABATAN PERTANIAN.**

tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 31 Oktober 1983. Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Kerajaan Brunei tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran akan di terima daripada firma-firma tempatan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan hingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan perkakas alat-alat tulis-menulis (Stationery) kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi tahun 1984.

2. Senarai perkakas alat-alat tulis-menulis boleh di dapati dari Stor Alat-Alat Tulis-Menulis, Pejabat Setiausaha Kerajaan di Lapangan Terbang Lama Berakas secara permohonan yang bertulis dengan menyertakan satu salinan resit wang penaruhan (Deposit) yang telah dibayar kepada Pegawai Kewangan Negara sebagai Pendaftaran.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan di dalam sarung surat yang bertutup dan ditandakan "Tawaran Bagi Pembekalan Alat-Alat Tulis-Menulis 1984". Nama-nama penawar tidak boleh ditunjukkan di luar sarung surat itu.

4. Wang penaruhan (Deposit) sebanyak $2,000.00 (Dua Ribu Ringgit) hendaklah di bayar kepada Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan sebagai pendaftaran. Wang itu akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya. Jika pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran yang telah di luluskan maka yang penaruhannya akan dikira hilang.

5. Harga-harga tawaran hendaklah termasuk belanja menghantar ke mana-mana Jabatan Kerajaan dalam Negara Brunei ini seperti dinyatakan dalam Indent yang dikeluarkan.

6. Penawar-penawar tawaran hendaklah menyatakan dengan terang "BUATAN" dan "CAP" bagi tiap-tiap perkakas alat-alat tulis-menulis tersebut.

7. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Jabatan Hal Ehwal Ugama

…MOHONAN-permohonan … dipelawa daripada …calon yang terdiri dari … Kebawah Duli Yang … Mulia Paduka Seri … Sultan dan Yang … Negara Brunei … untuk dilantik … PENOLONG SETIA… MAJLIS UGAMA … di Jabatan Hal Eh… …gama, Brunei.

…nggagaji : C. 1-2 EB. 3 …-$1980 sebulan.

…an dan Pengalaman :
…mur tidak kurang dari … tahun.

…Calon-calon hendaklah …punyai salah satu da…pada kelayakan-kelayak…berikut :—

… Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
… Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajar…an Pengetahuan Uga…ma Islam serta mem…punyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
… Mempunyai kelulusan kelas khas (Thakhasus) dari Sekolah Arab Al-Juned Singapura.
…endaklah tahu menulis … membaca jawi.

d) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (2) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam urusan-urusan dan pentadbiran Majlis Ugama Islam sekurang-kurangnya selama satu tahun bolehlah dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan. Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup . 26 Oktober, 1983.
( E/557/77 )
( Bil : 196/1983 ).

## Sebagai Tradesman Tingkat II

…MOHONAN-permohonan … dipelawa daripada …calon yang terdiri dari … Kebawah Duli Yang … Mulia Paduka Seri … Sultan dan Yang … Negara Brunei … untuk dilantik se… TRADESMAN TING…KAT II (Welder) di Jabatan …, Brunei.

…nggagaji : F. 3-4 EB. 5—…-$560 sebulan.

…an dan Pengalaman :
…rumur 21 tahun ke atas.
… bertutur dalam Ba…hasa Melayu dan Inggeris.
… Darjah V Sekolah Melayu atau yang seband…ing dengannya dan mem…punyai 3 tahun pengala…man yang memuaskan da…lam kerja-kerja mekanik … sesebuah bengkel yang besar.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 26 Oktober, 1983.

(E/1384/83)

(Bil. : 197/1983)

## SUPPLY OF UNIFORM ITEMS TO GURKHA RESERVE UNIT

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders … State of Brunei for the supply of the following:—

…. Berets, wool, knitted Rifle Green to CA Pattern 1419 but with leather band. Manufactured by British Basque Beret Company.
Total Quantity — 635.

| Size : | 6¼ | 6½ | 6⅝ | 6¾ | 6⅞ | 7 | 7¼ | 7½ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 20 | 60 | 30 | 200 | 15 | 200 | 70 | 40 |

…. Socks, khaki, 80% worsted x 20% nylon. Turnover top, to CA Pattern 8945 and specification 500. Manufactured by E. W. Bryan.
Total Quantity — 2220.

| Size : | 10 | 10½ | 11 |
|---|---|---|---|
| | 1000 | 1100 | 120 |

…. Boots, ankle, leather upper, DMS black Rubber sole and heel, to MOD Specification UK/SC/3140F. Manufactured by Tebbut and Hall.
Total Quantity — 736.

| Size : | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 5M | 5L | 6S | 6M | 6L | 7S |
| | 40 | 30 | 60 | 160 | 100 | 36 |
| | 7M | 7L | 8S | 8M | 8L | 9M |
| | 90 | 70 | 25 | 50 | 40 | 20 |
| | 10L | | | | | |
| | 15 | | | | | |

All prices must be quoted on a C.I.F. Brunei basis.
Date of delivery to be stated.
Tenderers are to submit a sample to HQ Gurkha Re…serve Unit at the same time as submitting their tender.
Substitution is NOT acceptable. There is to be no … in design, pattern, quality or materials.
Tenders must be contained in a plain sealed envelope … no indication of the tenderer. The envelope should be …ed "Supply of Uniform Clothing to the Gurkha Reserve …" in the top left hand corner.
Tenders should be placed in the Tenders Box situated … the office of the State Financial Officer on the Ground … of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to … noon on Monday 17th October 1983.
The Government of Brunei does not bind itself to ac…cept the lowest or any tender.

## Sebagai Penguasa Kolam Berenang

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENGUASA KOLAM BERENANG di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Brunei.

**Tanggagaji :**
C. 3 EB. 4 — $1735-$2280 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Berumur di antara 26 hingga 45 tahun.
b) Lulus sekurang-kurangnya 4 "O" level atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang fasih dalam Bahasa Inggeris.
c) Calon-calon mestilah mempunyai :—
   i) Gold Medallion of Royal Life Saving Society, London.
   ii) R.L.S.S. Teacher's Certificate, United Kingdom.
   iii) Approved Examiner's Certificate (Personal Survival) A.S.A. United Kingdom.
   iv) Mempunyai pengalaman coaching khasnya dalam bidang sukan renang dan diving.
   v) Mempunyai pengalaman dalam jurusan teknikal (terutama sekali dalam hal mekanikal dan elektrikal) dan pengalaman luas dalam pemeliharaan dan perjalanan jentera-jentera pengepam air dan tapisan beserta dengan pengalaman dalam penyampuran dan rawatan air.

**Tugas-tugas :**
a) Mentadbir dan menguruskan Kompleks Kolam Renang, kakitangan-kaki-tangan, kemudahan-kemudahan dan pemeliharaan-pemeliharaan jentera yang terdapat di Kolam Renang.
b) Membantu Ketua Pegawai Belia dan Sukan untuk menyedikan rancangan-rancangan sukan terutama sekali di jurusan sukan renang.
c) Mengendalikan latihan-latihan dan ujian-ujian renang untuk sekolah-sekolah, belia-belia dan orang awam.
d) Menyediakan laporan-laporan.

**Syarat-syarat Lantikan :**
Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 10 Nobember, 1983.

( E/1657/77 )

( Bil : 193/1983 ).

## JABATAN PELAJARAN

### TAWARAN BAGI MENGENDALIKAN KEDAI2 KECIL DI SEKOLAH2 MENENGAH/MAKTAB2

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kantin/Kedai-kedai Kecil dan mereka yang berminat untuk mengendalikan perniagaan tersebut di atas di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab yang disenaraikan berikut : —

1 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong
2 Pusat Tingkatan Enam, Gadong
3 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin
4 Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/ Sekolah Sains
5 Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri
6 Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam
7 Sekolah Inggeris Berakas
8 Sekolah Menengah Sungai Kebun
9 Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam, Bunut
10 Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong
11 Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong
12 Maktab Anthony Abell, Seria
13 Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria
14 Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait
15 Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait
16 Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar

Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dengan mengirimkan borang yang boleh diperolehi dari Pejabat Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei. Cagaran tawaran adalah sebanyak $50.00. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis dengan terang "TAWARAN BAGI MENGENDALIKAN KEDAI-KEDAI KECIL DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB-MAKTAB" tanpa menunjukkan identiti penawar. Tawaran-tawaran hendaklah ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Nobember, 1983.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan itu tidak akan dilayan.

## JABATAN DAERAH BELAIT

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran-tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara Brunei, di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pda hari Isnin 17 Oktober, 1983 jam 12.00 tengah hari.

"MEMBEKALKAN SEBUAH PERAHU BAGI JABATAN DAERAH BELAIT, KUALA BELAIT, BRUNEI."

2. Syarikat-syarikat yang menghantar Tawaran mereka adalah dikehendaki menyertakan butir-butir seperti berikut:—
a) Harga sebuah perahu yang panjangnya tidak kurang dari 25 kaki, dan lebar 5½ kaki.
b) Perahu itu hendaklah dipasang atap jenis kain kembis warna hijau. Bahagian atap dicaruk dan buritan perahu itu hendaklah disediakan ruang yang boleh disurung dan ditarik untuk kemudahan pemandu dan penumpang. Bahagian tiang-tiang atap perahu itu hendaklah boleh dicabut dengan mudah bila atap itu tidak dikehendaki.
c) Sesuai untuk dibawa ke Ulu Belait dengan menggunakan dua buah enjin 40 kuasa kuda tiap-tiap satu.
d) Disediakan juga bangku tempat duduk yang boleh memuatkan 15 orang penumpang. Bangku-bangku itu hendaklah disusun melintang perahu dan hendaklah boleh dipindah bila tidak dikehendaki.
e) Tarikh sampai (membekalkan terus ke Kuala Belait).
f) Tempoh dalam jaminan.
g) Lain-lain hal jika ada.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan dalam sampul surat yang bertutup dengan menyatakan "TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PERAHU KEPADA PEJABAT DAERAH BELAIT, KUALA BELAIT." Tanpa sebarang tanda pengenalan si penawar, dan hendaklah dialamatkan kepada :—

Pengerusi
Lembaga Tawaran
d/a Pejabat Kewangan
Negara, Brunei
Bandar Seri Begawan.

4. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

### No. 70/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

SUPPLY OF BAR STAINLESS STEEL VARIOUS SIZES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 71/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

SUPPLY OF DISINFECTANT FLUID WHITE 1 GALLON TIN OR YOUNG'S LYSOL BP 4 X 5 LITRES TIN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½. Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 72/1983

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei : —

SUPPLY OF POWDER SCOURING SPRINKLE CONTAINERS OF 450 GR EACH, 24 CONTAINERS PER BOX (VIM, MOVIE ETC).

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 73/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei : —

SUPPLY OF MOP COTTON.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 74/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Oktober, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei : —

SUPPLY OF BRUSH PAINT VARIOUS SIZES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja



Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa semasa berucap merasmikan pertandingan tersebut.

# Perhubungan yang berkesan mainkan peranan

(Dari muka 1)

Negara Brunei Darussalam amnya.

Sehubungan dengan tema musabaqah "Silaturahim Sumber Kejayaan" jelas Yang Teramat Berhormat, adalah mempunyai hubungan yang hampir sama dengan peribadi yang mana aspek ini mustahak di dalam sesebuah organisasi pejabat.

Yang Teramat Berhormat mengingatkan semua kakitangan jabatan-jabatan Perhubungan dan Pengangkutan serta mereka yang bukan beragama Islam akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa di Lapau yang antara lain menekankan peri mustahaknya Jabatan-jabatan Kerajaan mengamalkan sikap kerjasama dan saling hubung-menghubungi di antara satu dengan lain pada melicinkan tanggungjawab masing-masing.

Dengan mengamalkan sikap berbudi bahasa sesama kakitangan dan orang ramai dalam melaksanakan tugas, kata Yang Teramat Berhormat maka akan terpeliharalah imej jabatan-jabatan serta imej Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhirnya Yang Teramat Berhormat berharap agar pertalian perhubungan yang mesra dapat dijalin di antara Jabatan-jabatan Perhubungan dan Pengangkutan pada perkembangan kemajuan negara dalam memupuk serta memelihara dengan sebaik-baiknya.

Terdahulu dari itu Pengerusi Musabaqah Al-Quran, Awang Abdullah bin Mudim Haji Bakar, Pemangku Pengarah Telekom telah menyatakan bahawa tujuan musabaqah tersebut dianjurkan adalah semata-mata ialah bagi mengeratkan tali perhubungan silaturahim di kalangan Kakitangan Jabatan-jabatan Perhubungan dan Pengangkutan di samping menyemarakkan keinginan mentelaah bacaan kitab suci Al-Quran.

Dalam suasana negara yang akan mencapai kemerdekaan sudah barang tentulah perhubungan baik antara pekerja-pekerja amat diperlukan, terutama dalam konteks pekerjaan sehari-hari di zaman yang sofistikated ini, jelas Awang Abdullah.

Sebanyak lapan orang peserta yang mewakili lapan buah Jabatan-jabatan Perhubungan dan Pengangkutan telah menyertainya. Tempat pertama dalam musabaqah tersebut telah disandang oleh Awang Mohammad bin Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Md Tamin, yang mewakili Jabatan Radio dan Televisyen dengan markah 82 peratus. Menduduki tempat kedua ialah Pengiran Hashim bin Pengiran Metussin yang mewakili Jabatan Telekom dengan mendapat markah 79 peratus. Di tempat ketiga pula diduduki oleh Awang Ahmad bin Haji Minuddin mewakili Jabatan Laut dengan markah 78 peratus.

Musabaqah pada tahun ini dikelolakan oleh Jabatan Telekom

# JADIKAN MASJID PUSAT PERPADUAN

KG. SUNGAI BULUH. — Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menekankan tentang keutamaan memberikan sedekah.

Y.D.M. Pehin Tuan Imam menekankan demikian dalam sembah alu-aluannya di majlis pembukaan rasmi Masjid Kampung Sungai Buluh yang berlangsung petang Jumaat lepas bersempena dengan kedatangan Tahun 1404 Hijrah.

Pembukaan rasmi masjid tersebut telah disempurnakan oleh Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pesuruhjaya Polis Brunei.

Y.D.M. Pehin Tuan Imam berkata, sejarah telah membuktikan bahawa di antara sebab-sebab kekuatan Islam di zaman permulaan Islam ialah adanya golongan hartawan Islam yang berkorban mensedekahkan harta benda mereka di jalan Allah bagi kepentingan umat Islam, yang antaranya ialah Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Othman bin Affan.

Amalan suka membelanjakan harta kerana jalan Allah khasnya pada mendirikan masjid, mewakafkan tanah atau apa-apa saja untuk kegunaan masjid adalah satu sifat yang menunjukkan kekuatan iman dan takwa kepada Allah.

Menyentuh tentang masjid, Yang Dimuliakan Pehin ... menekankan ... punyai ... penting ... Islam ... adalah ... mana ... berada.

Dalam ... Nabi ... dan ... Baginda ... hanya ... tetapi ... sidangan ... bincangkan ... permesyuaratan ... tempat ... tetamu ... tempat ... permakluman ... luman ... nikah ... naan ... Bagi ... pekerjaan ... dilakukan ... dengan ... sentiasa ... supaya ... dan ... Subhanahu ... jelas Y.D.M. ...

Seterusnya ... Pengetua ... Ehwal Ugama ... kepada ... penduduk ... masjid ... memelihara ... gunakan ... masjid ... pusat ... di mukim ... syiar Islam ... bersinar ... indahnya.

Terdahulu ... Pengerusi ... Pembukaan ... itu, Pengiran ... din bin Pengiran ... telah ... ucapan ... dengan ... itu; dan ... kepada ... serta pihak ... turut ... mengunjungi ... naan masjid ...

Sejurus ... mian, ... telah ... YAM Pengiran ... Pg. Haji ... tetamu ...

Di antara ... majlis ... Berhormat ... am Dato ... Awang Haji ... bin Bakar ... Brunei ... Dato Paduka ... Othman ... Haji ... Serudin ... Brunei ... Penghulu ... Buluh ... Kahar ... Pegawai ... kerajaan ... jemputan ... penduduk ... mukim ...



Masjid Kampung Sungai Buluh

# KEUTAMAAN MEMBERIKAN SEDEKAH

**Oleh : Abd. Karim HAB**

KG. SUNGAI BULUH. — Umat Islam di negara ini diseru supaya menjadikan masjid sebagai pusat perpaduan bukan saja dalam mengerjakan amal ibadat tetapi merangkumi soal-soal kebajikan dan kebenaran.

Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pesuruhjaya Polis Brunei berseru demikian ketika bersabda sejurus sebelum merasmikan pembukaan Masjid Sungai Buluh bersempena dengan sambutan awal Muharram tahun 1404 Hijrah.

Y.A.M. bersabda "Kita, hendaklah berusaha bersungguh-sungguh bagi menjadikan masjid ini sebagai tempat yang dapat menyatu padukan kita, terutama bagi jemaah-jemaah mukim masjid ini. Dengan kata lain menjadikannya sebagai tempat bermuafakat, dengan semangat ingin mencari kebaikan dan kebenaran, bertolak-ansur dan hormat-menghormati supaya segala usaha yang kita rancangkan dapat dilaksanakan dengan jayanya."

Di samping itu sabda Y.A.M. lagi, dengan adanya sikap bermuafakat akan lahirlah sikap "kekitaan", sikap yang menganggap sesuatu itu milik bersama yang keranaya menjadi tanggungjawab bersama pula untuk menjaga dan memeliharanya.

Dengan yang demikian Y.A.M. percaya setiap masjid yang didirikan itu akan benar-benar melahirkan syiar Islam yang lebih cemerlang dan berkesan bila usaha memakmurkan masjid itu berasaskan perpaduan dan permuafakatan.

## ANTISOSIAL

Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya juga berharap supaya peranan sesebuah masjid itu diperluaskan ke arah membimbing anak-anak muda ke arah didikan akhlak yang terpuji untuk menghindarkan mereka dari terlibat dengan kegiatan-kegiatan anti-sosial yang merupakan penyakit di zaman sains dan teknologi.

"Saya percaya di antara ubat yang paling mujarab bagi mengubati dan mencegah penyakit itu ialah melalui didikan kerohanian yang berdasarkan ajaran ugama Islam, dan saya percaya masjid adalah di antara tempat yang lebih berkesan bagi mengubati dan mencegah penyakit sedemikian," sabda Y.A.M. lagi.

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI